    - Menunaikan solat – 5 waktu sehari
    - Berpuasa di bulan Ramadhan
    - Menunaikan zakat
    - Mengerjakan haji
  - Rukun Iman
    - Percaya kepada Allah yang esa
    - Percaya kepada Malaikat
    - Percaya kepada Nabi dan Rasul
    - Percaya kepada Kitab suci al-Quran
    - Percaya kepada Qada' dan Qadar
    - Percaya kepada Hari Qiamat
- (e) **Ajaran Confucianisme**
- Pengasas
- Diasaskan oleh Confucius
- Ajaran/Prinsip
- Ajaran ini menekankan prinsip moral yang tinggi – perikemanusiaan (*ren*), kesucilaan (*li*), ketaatan kepada ibu bapa (*xiao*)
  - Untuk mencapai ketinggian moral, seseorang harus mendapat pendidikan
  - Prinsip moral ini ditegaskan kepada semua lapisan masyarakat
- (f) **Ajaran Taoisme**
- Pengasas
- Diasaskan oleh Lao Tze
- Kitab
- Kitabnya *Tao Te Ching* – falsafah Taoisme
- Ajaran/Prinsip
- Lebih menumpukan kepada konsep Tao yang bermaksud jalan
  - Setiap tindakan manusia ditentukan oleh Tao dan sebab itu manusia tidak harus bertindak terhadap apa-apa yang berlaku
  - Ia merujuk kepada Tao sebagai tidak mengambil sebarang tindakan atau *wu-wei*

- Jika manusia bertindak, ini bertentangan dengan prinsip *wu-wei* dan akan merosakkan dunia

## 2.5 Rumusan Bab

- Peningkatan tamadun berlaku kerana terdapat perkembangan pemikiran dan kemahiran
- Perkembangan pemikiran dicapai melalui ilmu falsafah, sistem pendidikan, sistem pemerintahan, kesenian, kesusasteraan, keagamaan, sains dan teknologi dalam kehidupan manusia
- Peningkatan tamadun ini menggambarkan manusia sentiasa bersikap inovatif

### Praktis Objektif

1	A	2	B	3	B	4	D	5	C
6	A	7	B	8	D	9	D	10	B
11	B	12	C	13	D	14	D	15	D
16	D	17	A	18	A	19	C	20	D
21	B	22	B	23	D	24	A	25	D

## Bab 3 ➡ Tamadun Awal Asia Tenggara

### Kemunculan Kerajaan Awal di Asia Tenggara

- 1 Pembahagian Asia Tenggara  
Tanah Besar Asia Tenggara
  - Funan, Chenla, Angkor, Sukhotai dan Ayuthia
 Kepulauan Asia Tenggara
  - Kepulauan Melayu
    - Kedah Tua, Gangga Negara dan Langkasuka
  - Kepulauan Indonesia
    - Srivijaya, Majapahit, Singhasari dan Mataram
- 2 Bukti perkembangan maritim
  - Hubungan perdagangan dengan Rom
  - Pembekal bahan mentah
  - Kemahiran membuat kapal layar dan perahu
  - Bukti arkeologi
- 3 Faktor kemunculan kerajaan awal
  - Kedudukan dari lokasi strategik
  - Mempunyai pelabuhan entrepot, pelabuhan pembekal
  - Hubungan perdagangan, diplomatik dan keagamaan dengan Tamadun China dan India
  - Kekayaan bahan mentah/logam
  - Jaminan keselamatan untuk perdagangan
- 4 Melabel peta (sila rujuk peta dalam buku teks pada muka surat 72)

### 3.1 Bentuk-Bentuk Kerajaan Awal

- 1 Kerajaan awal Asia Tenggara

Kerajaan Agraria		Kerajaan Maritim
Menjalankan kegiatan ekonomi yang berasaskan pertanian, penternakan dan memungut hasil hutan dan sungai	Maksud	Menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan kelautan, serta berfungsi sebagai pelabuhan pembekal

Kerajaan Agraria		Kerajaan Maritim
<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembah sungai</li> <li>Pedalaman</li> </ul>	Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berhampiran pesisir pantai</li> <li>Lembah sungai</li> <li>Kepulauan</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Kerajaan Dvaravati</li> <li>Kerajaan Sungai Merah</li> <li>Kerajaan Taruma</li> <li>Angkor</li> </ul>	Contoh	<ul style="list-style-type: none"> <li>Srivijaya</li> <li>Kedah Tua</li> <li>Tiumah</li> </ul>

### 3.1.1 Kerajaan Agraria

#### 1 Ciri-ciri kerajaan agraria

- Terletak di kawasan pedalaman, lembah sungai
- Menjalankan kegiatan pertanian – padi sawah dan padi huma
- Tanaman sampingan seperti keledak, pisang, jagung dan sayur-sayuran
- Menghasilkan pelbagai jenis rempah seperti cengkik dan lada hitam
- Mengumpul hasil hutan seperti kayu gaharu, kapur barus, tanduk, gading dan sebagainya
- Memungut sarang burung dari gua untuk tujuan perdagangan
- Menangkap ikan di sawah, paya dan sungai
- Mendapatkan kulit kura-kura
- Menternak binatang seperti lembu, kerbau, kambing dan ayam

#### 2 Faktor-faktor kemajuan pertanian

- Tanah subur sesuai untuk kegiatan pertanian
- Pembinaan sistem pengairan/perparitan yang baik
- Pemerintah memainkan peranan dalam pembinaan sistem pengairan
- Kekayaan hasil hutan seperti kapur barus, kayu gaharu, tanduk, gading dan sebagainya
- Bekalan makanan dapat menampung keperluan penduduk
- Iklim yang panas dan lembab sepanjang tahun

#### 3 Kepentingan Tasik Tonle Sap

- Membekalkan air minuman
- Membekalkan sumber protein seperti ikan kepada penduduk sekitar
- Iklim yang panas dan lembab sepanjang tahun
- Air dari tasik dapat dialirkan ke kawasan penanaman padi dengan menggunakan sistem saliran dan terusan
- Tanah sekitarnya subur disebabkan mendapan lumpur/lanar di sekitarnya

[mana-mana empat]

### 3.1.2 Kerajaan Maritim

#### 1 Ciri-ciri kerajaan maritim

- Terletak di lembah sungai, berhampiran pesisir pantai dan kepulauan
- Kegiatan menangkap ikan

- Memungut hasil laut
- Kegiatan perdagangan
- Berfungsi sebagai pelabuhan pembekal
- Penduduknya terdiri daripada orang laut, orang tempatan dan pedagang luar
- Mahir membuat kapal
- Menjadi pelabuhan entrepot
- Pusat pengumpulan hasil hutan dari kawasan pedalaman

[mana-mana tujuh]

2 Perkampungan → Pelabuhan pembekal → Pelabuhan kerajaan → Pelabuhan entrepot

#### 3 Peranan pelabuhan

- Pembekal – membekal bekalan hasil tempatan, iaitu logam emas dan timah, hasil hutan seperti kayu gaharu, rotan, damar, hasil laut dan makanan kepada pedagang yang singgah
- Kerajaan
  - masih lagi berperanan sebagai pelabuhan pembekal
  - berkembang dan mendapat status pelabuhan kerajaan kerana wujudnya kerajaan di situ
- Entrepot
  - mempertingkatkan hasil buminya seperti logam, hasil hutan dan hasil laut kepada pedagang antarabangsa
  - membeli barangan daripada pedagang antarabangsa dan mengedarkannya kepada pedagang yang datang

#### 4 Faktor-faktor Srivijaya menjadi kuasa maritim di Asia Tenggara

- Memiliki bala tentera laut yang besar dan kuat yang dianggotai pelbagai golongan rakyat dan Orang Laut
- Kedudukannya yang strategik di Selat Melaka
- Menjadi tempat persinggahan kapal yang berdagang di antara China dan India
- Terdapat hasil dan barangan untuk perdagangan antarabangsa

#### 5 Konsep saling melengkapi Agraria

- Bergantung kepada kerajaan maritim untuk mendapatkan barangan mewah dari China dan India
- Barangan mewah yang dibawa dari China termasuklah tembikar
- Barangan dari India ialah tekstil

#### Maritim

- Ingin mendapatkan keperluan makanan dan hasil hutan daripada kerajaan agraria
- Untuk mendapatkan kayu bagi membuat kapal
- Untuk mendapatkan gajah sebagai kenderaan
- Untuk mendapatkan tukang kayu yang mahir daripada kerajaan agraria

#### 6 Perbandingan kerajaan agraria dan kerajaan maritim

##### Aspek persamaan

- Mendapat pengaruh Hindu dan Buddha
- Mengamalkan sistem raja berkuasa mutlak
- Saling bergantung di antara satu sama lain

## Aspek perbezaan

Agraria		Maritim
Menjalankan kegiatan ekonomi yang berasaskan pertanian, penternakan dan pemungutan hasil hutan dan sungai	Maksud	Menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan kelautan, serta berfungsi sebagai pelabuhan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembah sungai</li> <li>Pedalaman</li> </ul>	Lokasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Berhampiran pesisir pantai</li> <li>Lembah sungai</li> <li>Kepulauan</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pertanian sara diri</li> <li>Mengumpul hasil hutan</li> <li>Perdagangan</li> </ul>	Kegiatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perdagangan</li> <li>Mengumpul hasil laut</li> <li>Ahli pelayaran</li> </ul>
<ul style="list-style-type: none"> <li>Membekalkan sumber makanan</li> <li>Mendapatkan barangan mewah dari maritim</li> <li>Membekalkan tenaga kerja kepada maritim</li> <li>Membekalkan tukang kayu dan tukang batu kepada maritim</li> <li>Kaya hasil bumi</li> </ul>	Peranan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memasarkan hasil keluaran agraria</li> <li>Mendapatkan sumber makanan dari agraria</li> <li>Menjual barangan kepada agraria</li> <li>Menjalankan perdagangan antarabangsa</li> <li>Mempunyai pelabuhan</li> </ul>

### 3.2 Pengaruh Agama Hindu dan Buddha dalam Kerajaan Awal

#### 3.2.1 Cara-Cara Kedatangan Pengaruh Hindu dan Buddha

- Cara pengaruh Hindu tersebar
  - Dibawa oleh golongan Ksyatria/tentera
  - Dibawa oleh golongan vaisya/pedagang
  - Dibawa oleh golongan Brahmin/pendeta
  - Proses asimilasi

#### 3.2.2 Pengaruh Hindu dan Buddha dalam Sistem Pemerintahan

- Pengaruh Hindu dan Buddha
  - Kedudukan raja
    - Menggunakan gelaran raja
    - Raja di puncak pemerintahan
    - Dia bawah raja terdapat kerabat diraja, pembesar dan ahli agama/Brahmin
  - Kuasa
    - Raja berkuasa mutlak dalam hal pentadbiran, hubungan luar, ketenteraan dan khazanah negara
    - Perintah raja merupakan undang-undang
    - Raja mesti adil terhadap golongan yang diperintah
  - Konsep Dewa-raja
    - Raja merupakan bayangan tuhan
    - Raja dipercayai memiliki kesaktian
  - Adat istiadat
    - Kedaulatan raja diperkukuhkan dengan pelbagai adat istiadat seperti adat pertabalan
    - Upacara pertabalan diketuai golongan Brahmin
  - Order kosmos
    - Negara dianggap sebagai suatu alam semesta
    - Raja dan ibu kotanya sebagai pusat alam semesta/pemerintahan

- Raja bertanggungjawab mengatur kesejahteraan negara dan rakyat selaras dengan Dharma
- Pengaruh Hindu-Buddha dalam pentadbiran kerajaan Srivijaya
    - Mahayana – Mengamalkan agama Buddha Mahayana
    - Pusat – Terdapat pentadbiran peringkat pusat dan daerah
    - Anak raja – Pentadbiran pusat diketuai oleh empat kumpulan anak raja
    - Gundik – Anak gundik tidak boleh mewarisi takhta
    - Parvanda – Anak raja dibantu oleh parvanda atau senapati, iaitu ketua pentadbir pusat
    - Pegawai – Dibantu pula oleh pegawai seperti hakim, temenggung dan penghulu
    - Datu – Pentadbiran daerah diketuai datu yang dilantik oleh raja
    - Sumpah – Datu dikehendaki mengangkat sumpah di Telaga Batu, Palembang
    - Hamba – Hamba raja merupakan golongan paling bawah dalam pentadbiran

#### 3.2.3 Pengaruh Hindu dan Buddha dalam Kesenian dan Kesusasteraan

- Maksud
 

**Candi** – Monumen keagamaan bagi agama Hindu dan Buddha yang berperanan sebagai rumah ibadat

**Monumen**

  - Binaan atau bangunan yang dibuat daripada batu dengan tujuan memperingati orang ternama atau peristiwa penting
  - Ia boleh berupa candi, iaitu kuil, wat atau stupa, arca dan patung

2 Bentuk candi yang ditemui di Asia Tenggara

Nama Candi	Tempat	Tarikh
(a) Cadi Dieng	Jawa Tengah	Abad ke-6 M
(b) Candi Prambanan	Jawa Tengah	Abad ke-9 M
(c) Angkor Wat	Kemboja	Abad ke-12 M
(d) Candi Borobudur	Jawa Tengah	Abad ke-8 M
(e) Candi Chaiya	Thailand	Abad ke-7 M

3 Melengkap maklumat rajah grafik

- (a) Nama bangunan – Candi Angkor Wat  
Lokasi – Kemboja  
Lambang agama – Agama Hindu  
Ciri-ciri binaan
- Tingginya ialah 213 meter
  - Terdapat tempat pemujaan di bahagian tengah dengan teres bertingkat empat
  - Setiap sudutnya mempunyai menara
  - Bahagian luarnya terdapat tembok yang dibina daripada batu laterit dan batu pasir
  - Ukiran dindingnya mengenai epik *Ramayana* dan *Mahabharata*
- (b) Nama bangunan – Candi Borobudur  
Lokasi – Jawa Tengah, Indonesia  
Lambang agama – Agama Buddha Mahayana  
Ciri-ciri binaan
- Terbahagi kepada tiga tingkat
  - Setiap tingkat melambangkan satu tahap kehidupan yang diwakili patung stupa dan Buddha
  - Tingkat pertama terdapat ukiran cerita kehidupan Gautama Buddha
  - Tiga tingkat melambangkan tiga tahap kehidupan, iaitu sila, samadhi dan panna
- (c) Nama bangunan – Candi Lembah Bujang  
Lokasi – Lembah Bujang  
Lambang agama – Hindu  
Ciri-ciri binaan
- Terbahagi kepada dua bahagian, iaitu vimana dan mandapa
  - Vimana ialah bahagian suci tempat arca keagamaan diletakkan
  - Mandapa pula bahagian luar candi

4 Kepentingan monumen kepada Kerajaan Awal Asia Tenggara

- (a) Tempat ibadat bagi penganut Hindu dan Buddha  
(b) Sebagai tempat menyimpan abu mayat/jenazah raja dan kerabatnya  
(c) Tempat menyimpan patung dewa utama bagi sesebuah kerajaan awal  
(d) Lambang keagungan pemerintah bagi kerajaan awal  
(e) Ketinggian nilai estetika berdasarkan kehebatan seni binanya  
(f) Pusat pemerintahan sesebuah kerajaan bagi kerajaan awal

[mana-mana lima]

5 Peranan bahasa Sanskrit

- (a) Digunakan dalam merekod ilmu pengetahuan  
(b) Mencatat mentera  
(c) Dibaca dalam upacara-upacara keagamaan  
(d) Pengaruh perbendaharaan kata seperti duka, rupa, derhaka, pahala, dosa, sengsara, huruf  
(e) Candi/monumen-monumen  
(f) Inskripsi-inskripsi batu bersurat di Lembah Bujang dan Kutei  
(g) Epik *Ramayana* dan *Mahabharata* melahirkan *Hikayat Pendawa Lima* dan *Hikayat Pendawa Jaya* [mana-mana lima]

6 Peranan Hindu dan Buddha dalam kesusasteraan

- Aspek bahasa seperti bahasa sanskrit yang terdapat pada batu bersurat Kutei
- Epik *Ramayana* dan *Mahabharata* mempengaruhi kesusasteraan Jawa seperti *Nagarakertagama*
- Wayang kulit, teater
- Hikayat-hikayat tempatan mendapat pengaruh epik India seperti *Hikayat Pendawa Lima*, *Hikayat Seri Rama* dan *Hikayat Pendawa Jaya*

3.3 Rumusan Bab

- Kelahiran kerajaan awal Asia Tenggara disebabkan faktor perdagangan
- Perkembangan perdagangan membawa kepada kemunculan pelabuhan awal dan hubungan dengan Tamadun India dan China
- Pengaruh dari negara luar disesuaikan oleh pemerintah dan penduduk tempatan di Asia Tenggara

Praktis Objektif

1 B	2 D	3 C	4 D	5 D
6 D	7 D	8 D	9 D	10 B
11 D	12 C	13 B	14 D	15 A
16 B	17 C	18 A	19 B	20 D
21 C	22 C	23 B	24 D	25 D

Bab 4 ➡ Kemunculan Tamadun Islam dan Perkembangannya di Makkah

4.1 Zaman Jahiliah

4.1.1 Masyarakat Arab Jahiliah

- 1 Berasal daripada perkataan bahasa Arab, iaitu jahala bermaksud “jahil atau tidak mengetahui atau tidak mempunyai ilmu pengetahuan”
- 2 Sebab-sebab digelar masyarakat Arab Jahiliah
- Kerana mereka tidak menerima kebenaran
  - Tidak mengikut ajaran para nabi dan rasul sebelumnya seperti Nabi Musa, Nabi Sulaiman, Nabi Ibrahim, Bani Ismail dan lain-lain
- 3 Jangka masa Zaman Jahiliah
- 610 M – Turun wahyu pertama kepada Nabi Muhammad SAW dan bermulanya zaman Islam
- 570 M – Kelahiran Nabi Muhammad SAW
- 300 M – Pecahnya empangan Maarib
- 4 310 tahun

#### 4.1.2 Ciri-Ciri Masyarakat Arab Jahiliah

##### 1 Ciri-ciri masyarakat Arab Jahiliah

- (a) Sosial
    - Tidak bermoral seperti berjudi, berzina, minum arak
    - Seorang lelaki yang meminum arak sehingga mabuk, maka beliau sempurna sebagai lelaki
    - Kedudukan wanita adalah rendah
    - Mereka tidak dapat mewarisi harta pusaka tinggalan ibu bapa
    - Bayi perempuan ditanam hidup-hidup sejurus dilahirkan
    - Mereka menganggap anak perempuan menjatuhkan maruah keluarga
    - Lelaki boleh berkahwin dengan beberapa orang wanita sekaligus/sesiapa yang disukainya
  - (b) Ekonomi
    - Perniagaan berasaskan riba dan penindasan
    - Mementingkan keuntungan dan kekayaan semata-mata
    - Merompak dan merampas barangan daripada kafilah
    - Merompak adalah satu kewajipan bagi setiap individu dalam setiap kabilah
    - Eksploitasi golongan kaya terhadap golongan miskin
  - (c) Agama
    - Agama wathani (menyembah berhala)
    - Animisme (memuja alam semesta)
    - Samawi (Kristian dan Yahudi)
  - (d) Kepercayaan
    - Kepercayaan (memilik nasib, sihir dan mempercayai roh orang mati menjadi burung)
    - Agama Hanif - agama yang disampaikan oleh Nabi Ibrahim a.s. dan Nabi Ismail a.s.
  - (e) Nilai hidup
    - Sistem Kabilah - cara hidup berpuak-puak/berkelompok
    - Setiap kabilah ada identiti dan peraturan sendiri
    - Ahlinya sangat fanatik kepada kabilah masing-masing
    - Sesuatu kabilah diketuai seorang syeikh kabilah
    - Syeikh dilantik atas persetujuan ramai/disukai ahli kabilah
    - Beliau mestilah gagah, berani/matang dan pandai berpidato
- 2 Kesan amalan Sistem Kabilah
    - Kemunculan semangat assabiah
    - Tercetusnya peperangan di kalangan masyarakat
    - Peranan kesukuan yang menebal
  - 3 Maksud istilah
    - (a) Nabi - Orang lelaki yang dipilih oleh Allah untuk menerima wahyu daripada-Nya untuk dirinya sendiri
    - (b) Rasul - Orang lelaki yang dipilih oleh Allah untuk menerima wahyu daripada-Nya untuk dirinya sendiri dan juga untuk disampaikan kepada orang ramai

- (c) Wahyu - Ajaran yang disampaikan oleh Allah kepada nabi dan rasul melalui malaikat Jibril
- (d) SAW - Singkatan bagi sallallahu alaihi wassalam yang bermaksud Allah merahmati Nabi Muhammad
- (e) Kafilah - Kumpulan manusia yang bergerak dari satu tempat ke satu tempat dengan tujuan berniaga atau berpindah

#### 4.2.1 Kehidupan Nabi Muhammad SAW Sebelum Dilantik Menjadi Rasul

- 1 Dijaga oleh ibu baginda, Aminah binti Abdul Wahab → Ibu baginda meninggal dunia dan baginda dipelihara oleh datuk dan bapa saudara baginda → Mengikut bapa saudaranya berniaga → Menjalankan perniagaan Khadijah → Berkahwin dengan Khadijah → Dilantik menjadi rasul

#### 4.2.2 Keperibadian Nabi Muhammad SAW

- 1 Sifat terpuji
  - (a) Siddiq - berkata benar
  - (b) Amanah - dipercayai
  - (c) Tabliq - menyampaikan
  - (d) Fatanah - bijaksana
- 2 Sebab Nabi Muhammad SAW digelar al-amin
  - Perkataan dan perbuatan baginda sentiasa dipercayai
  - Nabi Muhammad SAW seorang pemimpin berkaliber dan pedegang yang jujur dan dipercayai
- 3 Sifat-sifat peribadi Nabi Muhammad SAW
  - (a) Baginda seorang yang bijaksana dan sebelum dilantik menjadi rasul, pernah menyelesaikan masalah untuk meletakkan semula Hajarul Aswad ke tempat asal
  - (b) Baginda seorang pengasih dan penyayang di mana baginda suka membantu isteri baginda membersihkan rumah dan menjaga anak-anak
  - (c) Baginda bersikap merendah diri dan bersedia bergaul dengan semua lapisan masyarakat
  - (d) Selepas menjadi rasul, baginda telah menandatangani perjanjian Hudaibiyah dengan Arab Quraisy
  - (e) Cara Nabi Muhammad SAW mengendalikan proses perjanjian ini menunjukkan baginda berpandangan jauh
  - (f) Sanggup menerima isi perjanjian walaupun isi perjanjian tersebut berat sebelah
- 4 Pengalaman Nabi Muhammad SAW dalam bidang perniagaan
  - Menjalankan perniagaan secara berseorangan
  - Berkongsi perniagaan dengan temannya
  - Mengikut rombongan bapa saudara baginda sehingga ke Syam sejak umur 12 tahun
  - Menjalankan perniagaan Khadijah

#### 4.2.3 Kerasulan Nabi Muhammad SAW

- 1 Wahyu yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW  
**Wahyu Pertama** - Surah al-Alaq Ayat 1-5  
**Kandungan** - Memerintahkan umat Islam supaya membaca



**Wahyu Kedua** – Surah al-Muddasir Ayat 1–7

**Kandungan** – Pengisytiharan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasulullah yang mewajibkan baginda menyampaikan ajaran Islam kepada seluruh manusia

- 2 Faktor amalan membaca sangat penting dalam Islam
  - (a) Melalui pembacaan, seseorang akan mendapat ilmu pengetahuan
  - (b) Melalui pembacaan, seseorang dapat menambah ilmu pengetahuan
  - (c) Melalui pembacaan, penyelidikan dapat dilakukan
  - (d) Melalui ilmu sesuatu bangsa, dapat mencapai kejayaan

### 4.3 Penyebaran Islam di Makkah

#### 1 Cara penyebaran Islam di Makkah

Secara sulit

- Berjalan selama 3 tahun
- Ditujukan kepada ahli keluarga, sahabat yang rapat, kaum kerabat baginda
- Tokoh awal memeluk Islam seperti Khadijah binti Khuwailid, Ali bin Abu Talib, Zaid bin Harithah dan Abu Bakar al-Siddiq
- Tokoh memeluk Islam melalui Abu Bakar ialah Uthman bin Affan, Zubair bin Awam dan al-Arqam bin Abu Arqam
- Rumah al-Arqam menjadi pusat kegiatan Islam yang pertama di Makkah
- Dakwah Islamiah mendapat sambutan kerana ketinggian akhlak Nabi Muhammad SAW dan kejujuran para sahabat semasa berdakwah

Secara terbuka

- Berjalan selama 10 tahun
- Turunnya ayat al-Quran yang meminta baginda menyebarkan Islam kepada keluarga Abdul Muttalib
- Mengadakan ceramah di rumah Ali bin Abu Talib, baginda menerangkan tentang Islam
- Di antara keluarga baginda ada yang menerima dan ada yang menolak
- Orang yang paling kuat menentang ialah bapa saudaranya, iaitu Abu Lahab
- Dakwah kepada orang ramai dilakukan di Bukit Safa, Makkah setelah turunnya ayat al-Quran, al-Hijr, ayat 94
- Majlis ini dihadiri oleh semua ketua, iaitu Bani Abdul Muttalib, Bani Zuhrah, Bani Tamim, Bani Makhzam dan Bani Asad
- Berlaku perbahasan hebat antara Nabi Muhammad SAW dengan Abu Lahab yang menghina baginda

### 4.4 Reaksi Masyarakat Arab terhadap Islam

#### 4.4.1 Penerimaan terhadap Islam

- 1 Penerimaan Islam oleh golongan bawahan
  - Mereka tertarik terhadap ajaran-Islam yang memberikan layanan sama rata kepada semua manusia
  - Sebelum ini, mereka ditindas dan disiksa dengan kejam

#### 2 Pendekatan yang digunakan oleh Nabi Muhammad SAW

- (a) Hikmah dan lemah lembut
  - Tidak memaksa orang ramai memeluk Islam
  - Memujuk mereka dengan menggunakan akal
- (b) Perbandingan akhlak – Perbandingan nilai akhlak masyarakat Arab jahiliah dengan nilai akhlak yang disaran Islam
- (c) Bacaan ayat al-Quran – Nabi Muhammad SAW membacakan ayat al-Quran untuk menjawab pertanyaan para sahabat, di samping memberi penerangan dan menunjukkan teladan yang baik
- (d) Tanam keimanan – Nabi Muhammad SAW menanam keimanan dengan keimanan menjelaskan bahawa kejayaan dakwah adalah berdasarkan kesabaran dan pengorbanan bukannya harta kekayaan
- (e) Keperibadian Nabi Muhammad SAW – Baginda sendiri mempunyai keperibadian yang tinggi, iaitu sebagai orang yang berakhlak mulia

#### 4.4.2 Penentangan terhadap Islam

##### 1 Faktor-faktor penentangan

- (a) Kepercayaan – Ajaran Islam berasaskan kepercayaan kepada Allah yang Maha Esa sedangkan orang Arab Quraisy mempercayai dan mengamalkan penyembahan patung berhala dan animisme
- (b) Sosial
  - Islam menyarankan persamaan taraf sesama manusia sedangkan sistem sosial masyarakat jahiliah mewujudkan perbezaan darjat antara golongan atasan dengan golongan bawahan
  - Menolak konsep persaudaraan Islam yang bertentangan dengan amalan semangit assabiah
  - Amalan dan akhlak yang keji seperti mencuri, menindas, menjadi kebiasaan mereka tetapi perbuatan tersebut dilarang oleh Islam
- (c) Politik
  - Tanggapan salah terhadap Nabi Muhammad SAW, iaitu menganggap apabila menerima Islam mereka terpaksa tunduk kepada kepimpinan Nabi Muhammad SAW
  - Perkara ini menggugat pengaruh dan kedudukan keluarga mereka di Makkah
- (d) Ekonomi
  - Menggugat perusahaan mengukir patung berhala
  - Ini kerana Islam mewajibkan umatnya menyembah Allah Yang Maha Esa dan melarang penyembahan berhala

##### 2 Bentuk pemuluan

- (a) Orang Arab Quraisy tidak menjalankan aktiviti jual beli
- (b) Mereka tidak memberikan sebarang bentuk pertolongan
- (c) Mereka tidak berkahwin dengan anggota keluarga Nabi Muhammad SAW

#### 4.4.3 Nabi Muhammad SAW Menyelesaikan Masalah

- Langkah
  - Membenarkan orang Islam berhijrah ke Habsyah
  - Berdakwah ke Taif
  - Berhijrah ke Madinah

#### 4.5 Rumusan Bab

- Kemunculan agama Islam telah mencorakkan tamadun baru bagi masyarakat Arab Jahiliah Semenanjung Tanah Arab
- Tamadun Islam telah mengubah cara hidup masyarakat Arab jahiliah menjadi lebih teratur
- Kemunculan Tamadun Islam juga memberi rahmat kepada seluruh manusia

#### Praktis Objektif

1	D	2	A	3	D	4	A	5	D
6	C	7	B	8	D	9	D	10	A
11	D	12	C	13	C	14	B	15	A
16	D	17	B	18	A	19	C	20	A
21	B	22	D	23	B	24	A	25	D
26	D								

### Bab 5 ➡ Kerajaan Islam di Madinah

#### 5.1 Perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua

##### 1 Perjanjian Aqabah

Perjanjian Aqabah I	Perkara	Perjanjian Aqabah II
521 M	Tahun	622 M
Aqabah	Tempat	Aqabah
Suku Aus dan Khazraj	Pihak yang terlibat	Suku Aus dan Khazraj

Isi kandungan Perjanjian Aqabah I

- Hendaklah beriman kepada Allah dan Rasul
- Berjanji akan membantu perjuangan Nabi Muhammad SAW
- Meninggalkan amalan jahiliah seperti mencuri, minum arak dan membunuh bayi perempuan

Isi kandungan Perjanjian Aqabah II

- Memeluk Islam dan mengukuhkan lagi taat setia kepada Nabi Muhammad SAW
- Suku Aus dan Khazraj menjemput Nabi Muhammad SAW dan orang Islam berhijrah ke Madinah
- Mereka menjanjikan keselamatan Nabi dan orang Islam serta bersedia mempertahankan Islam

##### 2 Kepentingan Perjanjian Aqabah

- Islam tersebar ke Madinah
- Berlakunya penghijrahan orang-orang Islam Makkah ke Madinah
- Islam bertambah kuat
- Perkembangan Islam ke seluruh Tanah Arab
- Pembentukan kerajaan Islam Madinah yang pertama

#### 5.2 Hijrah

##### 5.2.1 Konsep Hijrah

- Konsep hijrah dalam konteks Islam
  - Perpindahan orang Islam dari Kota Makkah ke Madinah dalam usaha memperkukuhkan kedudukan Islam
  - Strategi baru untuk menyebarkan Islam
  - Perjuangan untuk menegakkan kebenaran dan meninggalkan keburukan dan kejahatan
  - Semangat ingin berubah seperti perubahan dari segi sikap, cara berfikir dan tingkah laku
- Hujah menyangkal dakwaan Orientalis Barat
  - Jemputan orang Madinah seperti yang tercatat dalam Perjanjian Aqabah II
  - Kedatangan orang Islam ke Madinah disambut dengan rela dan meriahnya oleh penduduk Madinah
  - Orang Islam Makkah diberikan tempat tinggal dan dijamin keselamatannya
  - Nabi Muhammad SAW dilantik sebagai pemimpin Madinah dan diterima oleh kesemua golongan masyarakat Islam dan bukan Islam Madinah

##### 5.2.2 Sebab dan Tujuan Hijrah

- Faktor-faktor hijrah
  - Perintah Allah menerusi wahyu yang memberitahu Nabi Muhammad SAW tentang pakatan orang Quraisy untuk membunuh baginda
  - Jemputan orang Madinah yang sedang menghadapi pelbagai konflik
  - Penentangan/ancaman daripada orang Quraisy telah menjejaskan aktiviti penyebaran Islam
  - Strategi Nabi Muhammad SAW untuk mengembangkan Islam

##### 5.2.3 Kepentingan Hijrah

- Kepentingan hijrah dalam peningkatan dan perkembangan
  - Perdamaian antara suku Aus dan Khazraj melalui semangat persaudaraan Islam
  - Terjalannya hubungan persaudaraan antara orang Islam Makkah dan Madinah
  - Wujudnya perpaduan penduduk Madinah yang terdiri daripada pelbagai suku, budaya dan agama
  - Nabi Muhammad SAW membina Masjid al-Nabawi yang menjadi tempat beribadat, belajar, pertemuan dan perbincangan antara orang Islam
  - Nama Yathrib ditukar kepada nama Madinah al-Munawarah (Kota Bercahaya)
  - Menunjukkan sikap toleransi kaum dan tolong-menolong yang melahirkan masyarakat cemerlang
  - Kejayaan hijrah adalah atas sokongan dan pengorbanan para sahabat Nabi Muhammad SAW
  - Wanita juga memainkan peranan penting dalam menegakkan kemajuan sesebuah negara
  - Memperlihatkan ketabahan hati dan kebesaran jiwa Rasulullah yang sanggup berkorban meninggalkan kesenangan hidup demi perjuangan Islam

- (j) Menampakkan kebijaksanaan Rasulullah SAW dalam mengatur strategi perjuangan
- (k) Penubuhan negara Islam Madinah oleh Nabi Muhammad SAW dengan sebuah perlembagaan, iaitu Piagam Madinah

### 5.3 Piagam Madinah

#### 1 Maksud Piagam Madinah

- Dikenali sebagai Sahifah Madinah
- Perlembagaan bertulis yang dirangka oleh Nabi Muhammad SAW pada tahun 622 M berpandukan wahyu Allah SWT
- Menjadi asas pemerintahan kerajaan Islam Madinah
- Mencatatkan tentang peraturan, tanggungjawab ketua negara dan rakyatnya
- Dirangka berasaskan persetujuan orang Islam (Muhajirin dan Ansar) dan orang bukan Islam (Yahudi dan suku Arab lain)

#### 5.3.1 Kandungan Piagam Madinah

##### 1 Maksud Piagam Madinah

- Mengandungi 47 fasal
- 23 fasal membincangkan hubungan dalam kalangan orang Islam dan tanggungjawab mereka
- 24 fasal lagi mengenai tanggungjawab orang bukan Islam dan orang Yahudi terhadap negara Madinah

##### 2 Intisari kandungan Piagam Madinah

- (a) Politik
  - Nabi Muhammad SAW sebagai pemimpin di Madinah
  - Baginda bertindak sebagai hakim bagi menyelesaikan masalah antara orang Islam dan bukan Islam
- (b) Agama
  - Masyarakat Madinah bebas mengamalkan agama masing-masing
  - Bebas mengamalkan adat masing-masing selagi tidak bertentangan dengan Islam
- (c) Sosial
  - Masyarakat Madinah dianggap satu ummah dan mempunyai tanggungjawab yang sama terhadap Madinah
  - Masyarakat Madinah tidak boleh bermusuhan sesama sendiri
- (d) Perundangan
  - Undang-undang Islam diguna pakai secara menyeluruh
  - Peraturan kekeluargaan sesuatu kabilah boleh diamalkan selagi tidak bertentangan dengan Islam
- (e) Ekonomi
  - Kerjasama antara masyarakat Madinah untuk kemajuan ekonomi
  - Unsur penipuan dan riba dihapuskan dalam perniagaan
- (f) Pertahanan - Semua anggota masyarakat dikehendaki mempertahankan Madinah daripada ancaman luar

- (g) Kedudukan Yahudi - Dijamin keselamatan selagi mereka mematuhi perlembagaan Madinah

### 5.3.2 Kepentingan Piagam Madinah

#### 1 Kepentingan Piagam Madinah

- (a) Model kerajaan Islam yang unggul/boleh dijadikan panduan bagi menjalankan pemerintahan yang berasaskan Islam
- (b) Suatu piagam pemerintahan lengkap yang merangkumi peraturan dunia dan akhirat
- (c) Ekonomi yang berasaskan riba, penipuan, rasuah dan pemindasan tidak dibenarkan
- (d) Pembentukan masyarakat baru berasaskan ummah/masyarakat yang bersatu padu dan aman
- (e) Persamaan taraf/kedudukan semua masyarakat Madinah
- (f) Islam menekankan persamaan hak dan persaudaraan Islam
- (g) Semangat perpaduan/bantu-membantu dan rela berkorban dipraktikkan dalam masyarakat Islam
- (h) Undang-undang yang lengkap dan sempurna bagi semua lapisan masyarakat Madinah
- (i) Syariah yang diperkenalkan oleh Islam adalah adil
- (j) Sistem pemerintahan yang meletakkan Allah sebagai kuasa tertinggi
- (k) Menyusun kehidupan masyarakat yang sistematik
- (l) Kesemua bangsa tertakluk kepada peraturan/cara hidup
- (m) Kerjasama dari semua kaum menjadikan negara Islam Madinah kuat dan disegani oleh negara luar sekitarnya

### 5.4 Penyebaran Islam

#### 1 Strategi penyebaran Islam

- Menghantar perutusan ke Rom/Rom Timur/Parsi/Mesir/Habsyah/wilayah sekitar Semenanjung Tanah Arab
- Tidak memaksa mereka memeluk Islam
- Menggunakan cara diplomasi
- Menunjukkan nilai-nilai yang baik
- Mewujudkan rasa persefahaman dengan wilayah tersebut

#### 2 Garis panduan tentera Islam dalam peperangan

- (a) Tentera Islam tidak dibenarkan membunuh orang yang lemah, iaitu orang tua/kanak-kanak/wanita/orang sakit/orang yang menyerah diri
- (b) Tidak dibenarkan membunuh binatang ternakan dan memusnahkan tanaman
- (c) Dilarang merobohkan tempat ibadat

### 5.5 Perjanjian Hudaibiyah

#### 1 Tujuan rombongan untuk menziarahi Makkah dan mengerjakan umrah

#### 2 Sebab Uthman bin Affan dipilih

- (a) Uthman mempunyai ramai saudara mara di Makkah
- (b) Uthman merupakan sahabat yang matang dan tua berbanding sahabat lain
- (c) Sifatnya yang lemah lembut dan bertolak ansur

- 3 Perjanjian Hudaibiyah berjaya dimeterai
  - Pada tahun 622 M, rombongan orang Islam ke Makkah untuk menunaikan umrah
  - Rombongan tersebut disekat di Hudaibiyah – Nabi Muhammad SAW menghantar Uthman bin Affan ke Makkah untuk menerangkan tujuan kedatangan mereka
  - Tersebar khabar angin tentang kematian Uthman bin Affan – orang Islam bersumpah setia (Baiah al-Ridwan) – orang Quraisy berasa bimbang, lalu mereka menemui Nabi Muhammad SAW
  - Baginda bersedia mengadakan perjanjian – termeterailah Perjanjian Hudaibiyah antara Nabi Muhammad SAW (Islam) dengan Suhail bin Amru (Quraisy)
- 4 Kandungan Perjanjian Hudaibiyah
  - (a) Kedua-dua belah pihak bersetuju mengadakan gencatan senjata selama 10 tahun
  - (b) Kabilah Arab lain bebas untuk memihak kepada orang Islam Madinah atau orang Quraisy Makkah
  - (c) Orang Islam Madinah yang memihak ke Makkah tanpa kebenaran penjaganya tidak perlu dipulangkan
  - (d) Orang Quraisy Makkah yang memihak ke Madinah tanpa pengetahuan penjaganya perlu dipulangkan semula
  - (e) Umat Islam hanya boleh mengerjakan umrah pada tahun berikutnya, iaitu tahun 7H

### 5.5.1 Kepentingan Perjanjian Hudaibiyah

- 1 Kepentingan Perjanjian Hudaibiyah
  - (a) Orang Islam berpeluang menunaikan haji pada tahun 629 M/7H
  - (b) Orang Islam bebas memasuki kota Makkah untuk beribadat di Kaabah pada bila-bila masa
  - (c) Dakwah Islamiah berkembang ke seluruh Semenanjung Tanah Arab
  - (d) Islam dapat disebarkan secara aman
  - (e) Dari segi jangka panjang, umat Islam semakin ramai
  - (f) Pengislaman tokoh-tokoh panglima terkenal seperti Khalid al-Walid, Amru bin al-As dan Uthman bin Talhah
  - (g) Melambangkan ketokohan Nabi Muhammad SAW
  - (h) Orang Quraisy mengiktiraf kerajaan Islam Madinah
  - (i) Perintis kepada pembukaan semula kota Makkah oleh Nabi Muhammad SAW
- 2 Menyusun maklumat
  - (a) 624 M – Perang Badar berlaku antara orang Islam dengan Arab Quraisy. Angkatan tentera Islam yang terdiri daripada 313 orang menentang angkatan tentera Arab Quraisy yang berjumlah 1000 orang.
  - (b) 625 M – Perang Uhud berlaku antara orang Islam dengan orang Arab Quraisy. Tentera Islam berjumlah 1000 orang menentang tentera Quraisy berjumlah 3000 orang
  - (c) 627 M – Dalam Perang Khandak/Ahzab tentera Islam menentang tentera Arab Quraisy dan Yahudi

- (d) Perjanjian Hudaibiyah dimeterai antara Nabi Muhammad SAW dengan orang Arab Quraisy
- (e) Pembukaan semula kota Makkah secara aman. Ajaran agama penyembahan berhala telah dihapuskan.

### 5.5.2 Pembukaan Semula Kota Makkah

- 1 Faktor-faktor pembukaan semula Kota Makkah
  - (a) Orang Arab Quraisy melanggar Perjanjian Hudaibiyah dengan tidak menghormati hak kebebasan yang telah dipersetujui
  - (b) Membunuh beberapa orang Bani Khuzaah yang berpihak kepada Islam
  - (c) Sebagai strategi jangka panjang bagi meneruskan penyebaran Islam
  - (d) Memantapkan lagi kedudukan kerajaan Islam di Madinah
- 2 Faktor kejayaan pembukaan semula Kota Makkah
  - (a) Pengislaman Abu Sufian dan Abbas menyebabkan orang Arab lain turut sama memeluk Islam
  - (b) Bilangan tentera Islam begitu ramai, iaitu 10 000 orang
  - (c) Nabi Muhammad SAW menyediakan empat pasukan tentera
  - (d) Tentera Islam memasuki Kota Makkah melalui empat arah, iaitu arah utara, selatan, barat dan barat daya Makkah

### 5.5.3 Kepentingan Pembukaan Semula Kota Makkah

- 1 Kepentingan pembukaan kota Makkah
  - (a) Abu Sufian dan Abbas berjaya diislamkan
  - (b) Jaminan keselamatan oleh Nabi Muhammad SAW
  - (c) Sifat peribadi Nabi Muhammad SAW, iaitu seorang yang pemaaf menjadi kunci kejayaan
  - (d) Kaabah terpelihara dari unsur-unsur jenayah dan agaman sembah berhala berjaya dihapuskan
  - (e) Kota Makkah menjadi kota suci umat Islam dan menjadi tumpuan seluruh dunia
  - (f) Agama Islam begitu kukuh dengan kepimpinan Nabi Muhammad SAW
  - (g) Dakwah Islam tersebar secara aman di seluruh Tanah Arab
  - (h) Madinah menjadi pusat pentadbiran Islam yang kuat
  - (i) Kota Makkah dijadikan sebagai wilayah Islam

### 5.6 Rumusan Bab

- Kesabaran, kebijaksanaan dan kemurniaan akhlak Nabi Muhammad SAW kunci pembentukan Tamadun Islam
- Perpaduan dan keharmonian hidup pelbagai bangsa membentuk kerajaan Islam Madinah yang kukuh
- Sikap tidak pernah menyerah kalah dalam perjuangan akan memperolehi kejayaan yang cemerlang

## Praktis Objektif

1 D	2 D	3 B	4 B	5 A
6 B	7 D	8 C	9 B	10 D
11 D	12 A	13 D	14 C	15 D
16 B	17 B	18 A	19 C	20 B
21 C	22 A	23 C	24 C	

## Bab 6 ➔ Pembentukan Kerajaan Islam dan Sumbangannya

### 6.1 Kerajaan Khulafa al-Rasyidin

#### 1 Nama-nama khalifah al-Rasyidin

Nama Khalifah	Masa
(a) Khalifah Abu Bakar al-Siddiq	612–623M
(b) Khalifah Umar al-Khattab	634–644M
(c) Khalifah Uthman bin Affan	644–656M
(d) Khalifah Ali bin Abu Talib	656–661M

#### 6.1.1 Konsep Khalifah

##### 1 Konsep khalifah

- Dalam bahasa Arab, khalifah bererti pengganti
- Pengganti yang melaksanakan tanggungjawab pemerintahan dan pentadbiran yang telah dilaksanakan oleh Nabi Muhammad SAW
- Dari sudut agama
  - tanggungjawab memelihara kemurnian agama Islam yang telah disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW
  - Tanggungjawab mengekalkan keharmonian serta kestabilan umat Islam

#### 6.1.2 Syarat dan Cara Pemilihan Khalifah

##### 1 Syarat-syarat calon khalifah

- Lelaki merdeka
- Beragama Islam
- Mempunyai pengetahuan tentang Islam
- Mematuhi perintah Allah
- Sanggup melaksanakan hukum Allah
- Bersifat adil
- Akhlak yang baik
- Tubuh sihat dan sempurna
- Berfikiran cerdas
- Warak

##### 2 Kaedah pemilihan khalifah dalam Islam

Kaedah	Khalifah
Musyawah/syura	Khalifah Abu Bakar al-Siddiq
Cadangan satu nama oleh khalifah terdahulu	Khalifah Umar al-Khattab
Pemilihan daripada beberapa calon	Khalifah Uthman bin Affan
Percalonan oleh sekelompok masyarakat	Khalifah Ali bin Abu Talib

### 6.1.3 Tugas Khalifah

#### 1 Tugas-tugas khalifah

- Sebagai ketua negara
- Memelihara kedudukan agama Islam
- Mentadbir negara Islam mengikut hukum syariah yang berpandukan al-Quran dan sunnah
- Menitikberatkan sistem politik, sosial dan ekonomi untuk keseimbangan rohani dan jasmani
- Bertanggungjawab memastikan kelicinan pentadbiran negara
- Mempertahankan negara Islam daripada ancaman musuh
- Bertanggungjawab melantik pegawai kerajaan
- Bertanggungjawab melucutkan jawatan pegawai pentadbiran negara jika perlu
- Bertanggungjawab menjaga kebajikan rakyat untuk kesejahteraan di dunia dan akhirat
- Bertanggungjawab menjaga dan meneruskan ajaran Islam
- Mengekalkan perpaduan ummah melalui konsep musyawarah/syura
- Memantapkan sistem perundangan Islam
- Menguruskan hal ehwal kewangan dan perbendaharaan negara
- Mengatur pungutan kharaj, jizyah dan zakat

#### 6.1.4 Sumbangan Khulafa al-Rasyidin

##### (A) Khalifah Abu Bakar al-Siddiq

##### 1 Cara Saidina Abu Bakar al-Siddiq dilantik menjadi khalifah

- Dilantik hasil cadangan Saidina Umar al-Khattab dalam pertemuan antara golongan Ansar dan Muhajirin
- Sebelum ini tidak dipersetujui oleh orang Ansar kerana mereka bercadang untuk melantik Saad bin Ubadah
- Dalam pertemuan tersebut kedua-dua belah pihak bersetuju memilih dan melantik Saidina Abu Bakar menjadi khalifah kerajaan Islam Madinah

##### 2 Sumbangan khalifah Abu Bakar al-Siddiq

- Menyatupadukan umat Islam yang berpecahbelah selepas kewafatan Rasulullah SAW dan membentuk masyarakat Islam yang kuat
- Mengatasi masalah orang Islam yang murtad dengan mengembalikan mereka kepada Islam dan menghukum mereka yang ingkar
- Menangani masalah penyelewengan dan penyalahafsiran al-Quran
- Mempertahankan Madinah daripada ancaman luar, iaitu Parsi di sebelah timur dan Rom Timur/Byzantine di sebelah barat
- Menghantar panglima perang Khalid al-Walid menentang tentera Parsi di Iraq dan Usamah bin Zaid ke Ghassan – mereka berjaya mengalahkan musuh Islam



- (f) Berusaha melicinkan pentadbiran dengan membahagikan Semenanjung Tanah Arab kepada sepuluh wilayah, iaitu Makkah, Taif, Yaman, al-Jund, Khalwan, Bahrin, Jarah, Zabid, Haranaut dan Nijran dengan melantik seorang ketua/amir untuk mentadbir wilayah ini
  - (g) Memperkenalkan bayaran gaji untuk tentera melalui hasil rampasan perang
  - (h) Memperkenalkan undang-undang tanah
  - (i) Mengumpulkan tulisan al-Quran dengan menyalin semula tulisan-tulisan tersebut daripada tulisan pada batu, kulit binatang dan kulit kayu
- [mana-mana tujuh]*

## **(B) Khalifah Umar al-Khattab**

- 1 Cara dilantik menjadi khalifah
  - Perlantikannya dicadangkan oleh Khalifah Abu Bakar a-Siddiq
  - Cadangan ini telah dipersetujui oleh para sahabat dan orang ramai
- 2 Pembaharuan yang dilaksanakan
  - (a) Politik
    - Dasar pentadbiran dan perlantikan pegawai
    - Menubuhkan Majlis Syura yang diwakili golongan Ansar dan Muhajirin
    - Membahagikan tanah jajahan takluk kepada beberapa wilayah
    - Melantik wali/gabenor sebagai ketua/pentadbir awam dan panglima tentera
    - Menubuhkan Jabatan Tentera, Jabatan Polis, Jabatan Percukaian dan Jabatan Perbendaharaan
    - Jabatan Kehakiman dipisahkan daripada jabatan lain
    - Hakim diberi gaji bulanan sebanyak 500 dirham untuk mengelakkan salah laku
  - (b) Sosial
    - Mengembangkan pelajaran al-Quran
    - Mengembangkan pendidikan
    - Menyediakan tempat pembelajaran al-Quran di sekitar masjid
    - Menghantar guru agama ke pelbagai wilayah untuk mengembangkan pendidikan
    - Memperkenalkan kalendar Hijrah
  - (c) Ketenteraan
 

Menyusun sistem ketenteraan

    - Membentuk tentera tetap dan tentera sukarela
    - Tentera tetap diberikan gaji dan pakaian seragam
    - Membina markas tentera di bandar utama
    - Membina kubu pertahanan di sempadan menghadap negara musuh seperti di Madinah, Kufah, Fustat dan Basrah
  - (d) Ekonomi
    - Membina terusan dan tali air bagi menambahkan hasil pertanian
    - Empangan Abu Musa di Basrah dan Terusan Amirul Mukminin sepanjang 111 km di Mesir
    - Menggalakkan rakyat meneroka tanah baru untuk kegiatan pertanian

- Menggalakkan rakyat meneroka dan mengusahakan tanah terbiar
- Memperkenalkan cukai jizyah kepada golongan zimmi
- Memperkenalkan cukai kharaj berdasarkan jenis tanaman dan kesuburan tanah
- Menubuhkan baitulmal bagi mengawal aliran keluar masuk pendapatan negara

## **(C) Khalifah Uthman bin Affan**

- 1 Cara dilantik
  - Perlantikan melalui majlis syura
  - Pemilihan daripada enam orang calon
- 2 Sumbangan
 

**Pemerintahan**

  - Meluaskan wilayah Islam ke Afghanistan, Samarkand, Cyprus dan Tripoli
  - Membina angkatan tentera laut Islam pertama dalam sejarah pemerintahan Khulafa al-Rasyidin

**Ekonomi**

  - Mengukuhkan peranan baitulmal
  - Memperkuatkan angkatan tentera laut dengan membeli peralatan senjata dan kapal
  - Mengenakan jizyah kepada penduduk bukan Islam (pertama dalam sejarah pemerintahan Khulafa al-Rasyidi)

**Sosial**

  - Menyelaraskan bacaan al-Quran dengan memperkenalkan naskhah al-Quran Mushaf Uthmani
  - Membina jalan raya, jambatan
  - Membina rumah rehat bagi pengembara

## **(D) Khalifah Ali bin Abu Talib**

- 1 Cara dilantik
  - Dilantik menjadi khalifah selepas kemangkatan Khalifah Uthman
  - Melalui pencalonan oleh sekelompok masyarakat
  - Perlantikan beliau mendapat sokongan suara terbanyak
- 2 Sumbangan
 

**Sosial**

  - Berusaha mengekalkan kestabilan dan keharmonian masyarakat
  - Sanggup memberhentikan peperangan disebabkan pihak musuh mengangkat al-Quran

**Pertahanan** – Membina tentera di Parsi dan di sempadan Syria

**Ekonomi** – Meneruskan kutipan jizyah ke atas bukan Islam

## **6.2 Kerajaan Bani Umayyah**

- 1 Berdasarkan sistem warisan, jawatankuasa pemerintah kerajaan Islam diwarisi secara turun-temurun atau pemerintahan monarki

## 6.2.1 Pembentukan Kerajaan Bani Umayyah

- 1 Cara ditubuhkan
  - Diasaskan oleh Muawiyah bin Abu Sufyan
  - Bermula pada tahun 661 M hingga 750 M
  - Penyerahan kuasa oleh Hassan bin Ali kepada beliau
  - Pemerintahan berpusat di Damsyik
  - Dikenali sebagai tahap pertama
  - Para pemimpin menggunakan gelaran khalifah
  - Pemerintahan di Sepanyol diasaskan oleh Abdul Rahman al-Dakhil (Abdul Rahman I)
  - Berlangsung dari tahun 756 M hingga 1031 M
  - Berpusat di Cordova dengan Andalusia sebagai ibu kota
  - Pemerintah menggunakan gelaran Amir
- 2 Senarai pemerintah Tahap I (rujuk buku teks pada muka surat 150)
- 3 Senarai pemerintah Tahap II (rujuk buku teks pada muka surat 150)

## 6.2.2 Sumbangan Kerajaan Bani Umayyah

- 1 Sumbangan
  - (a) Khalifah – sistem khalifah, iaitu perlantikan khalifah sebagai ketua pemerintah
  - (b) Wazarah
    - Sistem wazarah, iaitu perlantikan wazir untuk mengetuai pentadbiran negara di bahagian kerajaan pusat
    - Manakala gabenor dilantik sebagai ketua pentadbiran peringkat daerah
  - (c) Urus setia
    - Beberapa orang pegawai dilantik bagi mengumpul rekod, mengurus surat-menyurat dan sebagainya
    - Urusan pentadbiran dibahagikan kepada bahagian surat-menyurat, bahagian cukai, bahagian ketenteraan, bahagian polis dan bahagian kehakiman
  - (d) Hijabah – Seseorang pegawai ditugaskan memeriksa orang yang mahu menemui khalifah, mengawal keselamatan khalifah dan sebagai pemegang amanah
- 2 Jabatan yang ditubuhkan
  - Jabatan Cukai
  - Jabatan Surat-menyurat
  - Jabatan Urusan Am
  - Jabatan Cap Mohor Pemerintah
  - Jabatan Ketenteraan (Diwanul Jundi)
- 3 Sumbangan bidang ekonomi
  - Penubuhan baitulmal bagi mewujudkan sistem kewangan dan mengimbangkan pendapatan dan perbelanjaan negara
  - Pendapatan kerajaan ialah dari kharaj, jizyah, zakat, usyur dan ghanimah
- 4 Sumbangan kerajaan Bani Umayyah Tahap I
  - (a) Bahasa dan sastera
    - Kota Basrah dikenali sebagai pusat pengajaran dan penyebaran ilmu pengetahuan

- Lahirnya ilmuwan seperti Khalil ibn Ahmad (pakar bahasa dan filologi Arab)
  - Sibawayhi (ahli nahu Arab)
  - Sasterawan seperti al-Farazdaq, Jarir, Umar ibn Abi Rabiah dan Jamil al-Uzri
  - Bahasa Arab dijadikan sebagai bahasa rasmi negara
  - Tanda bunyi dan baris diperkenalkan pada tulisan al-Quran
- (b) Sains dan perubatan
    - Pembinaan hospital di Damsyik oleh Khalifah al-Walid bin Abdul Malik
    - Pembinaan hospital penyakit kusta oleh Khalifah Umar ibn Abdul Aziz
    - Penterjemahan pelbagai buku rujukan dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan
    - Ibn al-Nafis pakar bedah Damsyik menghasilkan buku *al-Shamil fis Sina'ah al-Tabibiyah* (kajian umum profesion kedokteran)
    - Perkembangan dalam bidang kimia dan astronomi
  - (c) Keagamaan
    - Lahirnya tokoh terkenal seperti Urwah bin al-Zubayr dan Ibn Zihat al-Zuhri (Hadis)
    - Ibn Jarir (Tafsir al-Quran)
    - Hassan al-Basri dan Wasil ibn Ata (Usuluddin)
- 5 Sumbangan penting Bani Umayyah Tahap II
    - Bidang keilmuan**
      - Abdul Rahman II mengasaskan pusat pengajian di Cordova
      - Al-Hakim II membina perpustakaan, terdapat 17 buah pusat pengajian, 70 buah perpustakaan di Andalusia
      - Pembinaan pusat penterjemahan untuk menterjemahkan karya tokoh Yunani ke dalam bahasa Arab di Toledo
      - Cordova menjadi jambatan perkembangan ilmu pengetahuan antara dunia Islam dengan Eropah
    - Bidang kesenian**
      - Pembinaan masjid di Cordova
      - Masjid ini mempunyai menara yang tinggi sekitar 36 meter
      - Kubah masjid beralaskan kayu berukir
      - Mempunyai 1293 tiang yang diperbuat daripada marmar
      - Pada waktu malam, masjid ini diterangi dengan 4700 buah lampu
  - 6 Sebab akhir pemerintahan
    - Orang Islam yang bukan keturunan Arab (golongan mawali), seperti bangsa Parsi dan Barbar telah didiskriminasikan
    - Golongan tersebut tidak senang hati kerana tidak mendapat jawatan walaupun mereka layak
    - Golongan tersebut dikenakan cukai yang lebih tinggi daripada kadar yang dikenakan ke atas orang Arab Islam
    - Akhirnya, mereka menyokong dan menyertai gerakan Abbasiyah menentang pemerintahan Bani Umayyah

- Peringkat akhir pemerintahan, khalifah telah mengabaikan tanggungjawab terhadap rakyat dan ajaran Islam
- Sistem pemilihan khalifah secara warisan ditentang oleh golongan Syiah dan Khawarij

### 6.3 Kerajaan Bani Abbasiyah

#### 6.3.1 Pembentukan Kerajaan Bani Abbasiyah

- 1 Latar belakang pembentukan
  - Diasaskan pada tahun 750 M, iaitu selepas gerakan Abbasiyah berjaya menumbangkan kerajaan Bani Umayyah
  - Gerakan ini ditaja oleh Ali bin Abdullah bergerak secara sulit dan secara terbuka dari zaman Khalifah Umar Abdul Aziz
  - Mereka meneruskan kempen atas nama Ahlul Bait (keluarga Nabi Muhammad SAW) untuk mendapat sokongan
  - Khurasan, Kufah dan Hamaimah dijadikan sebagai pusat operasi menentang Kerajaan Umayyah
  - Gerakan tersebut diperkukuhkan oleh Abu Salamah al-Khallal yang mengetuai gerakan di Kufah dan Abu Muslim al-Khurasani mengetuai gerakan di Khurasan

#### 6.3.2 Sumbangan Kerajaan Bani Abbasiyah

- 1 Peranan baitul hikmah
  - Menjadikan kota Baghdad sebagai pusat intelektual dan penyebaran ilmu pengetahuan semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid dan Khalifah al-Makmun
  - Menubuhkan Baitulhikmah sebagai sebuah institusi keilmuan oleh Khalifah Harun al-Rasyid
  - Menterjemah karya falsafah dan sains daripada bahasa Yunani ke dalam bahasa Arab
  - Kegiatan penulisan dilakukan melalui tiga tahap
    - Tahap 1 – mencatat idea
    - Tahap 2 – mengumpul idea yang serupa ke dalam buku
    - Tahap 3 – mengarang ke dalam bahagian dan bab
- 2 Ilmu pengetahuan
  - Golongan ulama terlibat dalam penulisan seperti mengumpul hadis dan menghasilkan tulisan dalam bidang fikah, tafsir dan sejarah
  - Melahirkan ulama terkenal, iaitu Imam Malik, Ibn Ishaq, Imam Abu Hanifah, Imam Syafi'1 dan Imam Ahmad bin Hanbal
  - Membuat pemisahan antara ilmu tafsir, ilmu sirah dan ilmu hadis

### 6.4 Kerajaan Turki Uthmaniyah

#### 6.4.1 Pembentuk Kerajaan Turki Uthmaniyah

- 1 Cara ditubuhkan
  - Diasaskan oleh Uthman Ertughrul bin Sulaiman Shah yang berasal daripada suku Qayi
  - Uthman merupakan seorang amir/gabenor Saljuk di sebelah barat Anatolia

- Uthman berjaya menumpaskan tentera Byzantine
- Ramai ghazi/pahlawan tentera dan pemimpin masyarakat bersatu di bawah Uthman dalam usaha memperluaskan kawasan penaklukan
- Mula menakluki kawasan sekitar Anatolia dan menjadikan bandar Bursa sebagai ibu negeri

#### 6.4.2 Sumbangan Kerajaan Turki Uthmaniyah

- 1 Sumbangan
  - (a) Sistem organisasi dan perundangan Islam
    - Kanun Suleiman, iaitu perundangan yang mempertahankan dan membela nyawa, harta dan kehormatan individu tanpa mengenal bangsa dan agama
    - Mewujudkan jawatan Kadi dan Mufti
    - Memperkenalkan jawatan Sheikh-ul-Islam (ketua ulama) bagi mengeluarkan fatwa
  - (b) Ekonomi - Istanbul sebagai pusat pertemuan dalam jalinan perdagangan antara Timur dan Barat dan antara Dunia Islam dengan Dunia Bukan Islam
  - (c) Sosial
    - Memperkenalkan sistem yang menggalakkan kecemerlangan individu
    - Pembahagian masyarakat bergantung kepada hasil usaha setiap individu
  - (d) Ilmu pengetahuan
    - Perkembangan sistem pendidikan Islam melalui sistem madrasah
    - Penubuhan institusi pendidikan seperti sekolah pengetahuan akademik, sekolah sastera, maktab tentera, maktab teknik dan kolej perubatan
    - Penulisan ensiklopedia sains Islam yang dijadikan rujukan bagi keperluan praktikal
    - Menubuhkan perpustakaan di masjid, hospital dan rumah
    - Pembinaan Masjid Sultan Ahmed (Masjid Biru) di Istanbul

#### 6.4.3 Faktor Penyebaran Islam ke Eropah

- 1 Faktor-faktor kejayaan Turki Uthmaniyah menyebarkan ajaran Islam ke Eropah
  - (a) Pegangan akidah yang kukuh
  - (b) Memiliki akhlak yang tinggi dalam kalangan orang Islam
  - (c) Mempunyai semangat ghazi, iaitu semangat kepahlawanan yang tidak gentar berkorban jiwa demi penyebaran agama Islam
  - (d) Sistem ketenteraan yang tersusun dan penggunaan peralatan senjata moden seperti meriam besar
  - (e) Mempunyai tentera darat yang kuat seperti tentera berkuda dan kumpulan infantri
  - (f) Mempunyai kumpulan Jannisari, iaitu kumpulan elit sangat terlatih dalam selok-belok peperangan
  - (g) Keadaan politik yang tidak stabil di Eropah akibat daripada pertelingkahan dan peperangan dalam kalangan kerajaan-kerajaan kecil memudahkan perluasan kuasa Islam



- (h) Kejatuhan Byzantine memberikan laluan kepada penyebaran Islam dalam kalangan masyarakat Balkan
- (i) Penyalahgunaan kuasa, pergaduhan para pemimpin dan kekurangan kewangan institusi gereja menyebabkan ramai penganut Kristian memeluk Islam
- (j) Menjalankan dasar pemerintahan berteraskan diplomasi dan toleransi
- (k) Tidak memaksa masyarakat memeluk Islam
- (l) Dasar sosial berasaskan kecemerlangan individu dan memberi imbuhan setiap hasil usahanya
- (m) Membina semula sekolah, rumah sakit dan kawasan perdagangan untuk kemudahan rakyat
- (n) Penghijrahan orang Turki ke kawasan Balkan membolehkan Islam tersebar ke Eropah
- (o) Pengajaran ahli Sufi menekankan toleransi dan asimilasi dalam ajaran mereka menarik ramai orang Kristian memeluk Islam

*[mana-mana sepuluh]*

## 6.5 Pertembungan Tamadun Islam dengan Tamadun Lain di Dunia

### 6.5.1 Cara Pertembungan

#### 1 Pertembungan

- (a) Perdagangan dan perniagaan
  - Melalui perdagangan jarak jauh
  - Nabi Muhammad SAW pernah terlibat dalam aktiviti perdagangan ke Syam
  - Penguasaan Islam terhadap kawasan Teluk Parsi, Laut Merah dan timur Mediterranean
  - Orang Islam menetap dan berdagang di Canton, China
- (b) Penaklukan dan ketenteraan
  - Kerajaan Khulafa al-Rasyidin, Bani Umayyah, Bani Abbasiyah dan Bani Uthmaniyah membentuk ekspedisi ketenteraan
  - Penaklukan ke atas Iraq dan Iran membolehkan Tamadun Islam bertembung dengan Tamadun Parsi
  - Interaksi dan asimilasi antara Tamadun Islam dengan tamadun lain
  - Penaklukan tentera Islam ke atas Mesir dan Afrika Utara
  - Pertembungan dengan Tamadun Rom, iaitu empayar Byzantine
- (c) Pertembungan kebudayaan
  - Kemasukan Islam ke Sepanyol membawa kepada budaya baru
  - Bahasa Arab menjadi bahasa utama di Sepanyol semasa zaman Umayyah yang berpusat di Cordova
  - Lahir golongan Mozarab, iaitu orang tempatan yang beragama Kristian tetapi mengamalkan kebudayaan Islam dan berbahasa Arab
- (d) Pertembungan intelektual – Ilmuwan Islam berjaya mendalami ilmu dan keilmuan Tamadun Eropah dan seterusnya berjaya memperkembangkan lagi ilmu tersebut menurut pandangan intelektual Islam

- (e) Hubungan diplomatik
  - Dijalankan untuk mendapatkan pengetahuan tentang cara hidup, cara berfikir dan cara mentadbir daripada tamadun luar
  - Kerajaan Bani Umayyah menghantar kumpulan peneroka ke utara Selat Gibraltar di selatan Sepanyol dan telah bertemu dengan petempatan orang bukan Islam di Cordova, Valencia dan Rhonda
  - Peneroka Islam membuat hubungan diplomatik dengan kawasan tersebut dan membolehkan pemahaman secara aman antara orang Islam dengan orang bukan Islam mengenai cara berfikir, pandangan politik, agama, ekonomi dan pentadbiran.

### 6.5.2 Kesan Pertembungan

#### 1 Kesan pertembungan

- (a) Politik
  - Masyarakat yang berada di bawah taklukan Islam membawa satu nilai akidah kepercayaan kepada Allah
  - Pengamalan perundangan Islam yang berdasarkan al-Quran dan Hadis sebagai panduan dan pedoman para penganutnya
  - Perluasan kawasan penyebaran Islam dan kawasan yang diperintah oleh orang Islam
  - Lahir pelbagai bentuk kerajaan dan masyarakat di dalam dunia Islam seperti kerajaan Delhi Mughal di India
  - Mengamalkan sistem kerajaan pusat yang kuat walaupun berbeza dari segi institusi dan organisasi seperti pemerintahan Kerajaan Bani Umayyah, Abbasiyah dan Uthmaniyah
  - Persamaan amalan politik dalam dunia Islam yang berasaskan akidah dan syariah
- (b) Ekonomi – Perluasan wilayah oleh kerajaan-kerajaan, Islam membolehkan orang Islam menguasai ekonomi terutamanya dari segi perdagangan
- (c) Urbanisasi dan organisasi sosial
  - Perkembangan pendidikan dengan penekanan kurikulum berasaskan pendidikan agama, bidang sains, matematik dan teknologi
  - Cara berpakaian, berfikir, bertutur, berdagang dan berpolitik telah mempengaruhi penduduk bukan Islam di Sepanyol
- (d) Intelektual
  - Para cendekiawan Islam dan bukan Islam bertukar pendapat antara satu sama lain dalam pengumpulan maklumat dan terjemahan hasil penulisan
  - Cendekiawan Islam dapat menterjemahkan hasil karya penulis Greek seperti Aristotle, Galen dan Hippocrates
  - Penubuhan perpustakaan, iaitu baitulhikmah membolehkan proses penterjemahan hasil karya tamadun bukan Islam telah menghasilkan satu

- budaya keilmuan dan intelektual yang sangat tinggi
- 2 Sumbangan tokoh-tokoh Islam
    - (a) Zakaria al-Razi
      - Perubatan klinikal dan menghasilkan lebih 20 buah karya termasuk kitab al-Hawi, iaitu ensklopedia perubatan
      - Mengterjemahkan hasil karya Galen, ahli perubatan Greek terkemuka
    - (b) al-Khawarizmi, al-Battani, Abu Ishaq, al-Biruji dan al-Biruni – Bidang matematik dan astronomi
    - (c) al-Farabi, al-Miskwayh dan al-Mawardi – Menghasilkan beberapa karya penting dalam bidang pemikiran politik dan undang-undang
    - (d) Ibn Sina, al-Khindi, Fakhr al-Din, al-Razi, Ibn al-Arabi, Ibn Rushd dan Imam Ghazali – Pemikiran usuluddin, falsafah sains, pemikiran kritis dan kesedaran agama
    - (e) Omar Khayyam – Menulis tentang Ruba'iyah
    - (f) al-Jahiz – Kitab al-Bayan
    - (g) Rabi'ah al-Adawiah – Menghasilkan puisi yang bertemakan ketuhanan dan hubungan antara manusia dengan Tuhan
    - (h) Ibn Battuta, al-Mascudi, Ibn Fadhlān – Catatan pelayaran menjadi rujukan sejarawan hari ini
  - 3 Sumbangan Ibn Sina
    - Mengarang buku falsafah al-Mantiq, Danesh Nameh dan Uyun al-Hikmah dan Mujiz Kabir Wa Saghir
    - Mengarang buku perubatan, iaitu al-Shafa, Qanun dan Sadidiyya
    - Buku perubatan beliau digunakan di universiti di Eropah hingga abad ke-19

Sumbangan Ibn Rushd

    - Ahli falsafah, perubatan dan astronomi
    - Hasil tulisannya ialah Tahafut al-Tahafut, Mabadi' al-Falasifah dan Muwafaqati al-Hikmah Wa Shari'a
    - Falsafah beliau menekankan ilmu akal dan mantik telah menjadi rujukan di Eropah

## 6.6 Rumusan Bab

- Kerajaan-kerajaan Islam selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW memberi sumbangan besar terhadap perkembangan Islam
- Ketokohan kepimpinan membuktikan kejayaan setiap kerajaan
- Perkembangan intelektual, ketenteraan dan perluasan kuasa menjadikan Islam semakin tersebar luas
- Semangat bertaqwa dan berpegang teguh ajaran agama menjadikan kerajaan Islam diiktiraf dunia
- Malaysia mampu cemerlang jika rakyat dan kepimpinan bersatu

### Praktis Objektif

1	A	2	B	3	B	4	D	5	A
6	D	7	C	8	D	9	B	10	D
11	D	12	A	13	D	14	D	15	A
16	B	17	B	18	B	19	C	20	B
21	D	22	B	23	D	24	C	25	D

## Bab 7 ➡ Islam di Asia Tenggara

### 7.1 Teori Kedatangan Islam ke Asia Tenggara

#### 7.1.1 Teori dan Bukti Islam Datang dari Semenanjung Tanah Arab

- 1 Kedatangan Islam dari Semenanjung Tanah Arab
  - Dikemukakan oleh John Crawford
  - Disokong oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas

**Hujah/Bukti John Crawford**

  - (a) Catatan China mengatakan bahawa orang Arab dan Parsi mempunyai pusat perniagaan dan petempatan di Canton/Amoy
  - (b) Pedagang Arab yang berdagang ke China singgah di pelabuhan di Selat Melaka
  - (c) Mereka menetap dan membina perkampungan di situ
  - (d) Orang Arab di perkampungan tersebut yang berkahwin dengan penduduk tempatan
  - (e) Pedagang Arab berinteraksi dengan penduduk tempatan tentang agama Islam
  - (f) Nilai murni Islam yang diperlihatkan pedagang Arab menarik minat penduduk tempatan untuk memeluk Islam
  - (g) Sifat mahmudah yang diamalkan oleh pedagang Arab menarik minat penduduk tempatan memeluk Islam
  - (h) Dalam catatan China, dinyatakan wujudnya perkampungan Islam bernama Ta Shih di Sumatera Utara pada 650 M

[mana-mana enam]

#### Hujah/Bukti Syed Muhammad Naquib al-Attas

- (a) Wujudpersamaanbahanpenulisan dan kesusasteraan di Asia Tenggara dengan Semenanjung Tanah Arab
- (b) Perkataan Arab yang terdapat pada tulisan Jawi diambil daripada bahasa Arab
- (c) Adat resam dan kebudayaan orang Melayu dipengaruhi oleh budaya Arab/menghormati tetamu/muzik Melayu seperti dabus dan tarian zapin
- (d) Karya tempatan menceritakan pengislaman Raja di Asia Tenggara dilakukan oleh syekh dari Semenanjung Tanah Arab
- (e) Hikayat Raja-Raja Pasai – Syekh Ismail mengislamkan Raja Pasai, iaitu Merah Silu yang memakai gelaran Malik al-Salih
- (f) Pengislaman Raja Pattani, iaitu Phaya Tu Nakpa yang diislamkan oleh Syekh Said dari Tanah Arab

[mana-mana enam]

#### 7.1.2 Teori dan Bukti Islam Datang dari China

- 1 Islam datang dari China
  - Dikemukakan oleh Emanuel Gadinho Eredia
  - Disokong oleh S.Q. Fatimi

**Hujah/Bukti Emanuel Gadinho Eredia**

  - (a) Khan Fo/Canton telah menjadi pusat perniagaan terkenal dalam kalangan peniaga Arab beragama Islam sejak abad ke-9 M

- (b) Peniaga China Islam berdagang ke Asia Tenggara dan menyebarkan Islam kepada masyarakat Asia Tenggara
- (c) Asia Tenggara sudah dikenali oleh China. Hubungan perdagangan antara pedagang Islam dari China dengan orang Arab sudah lama terjalin

#### Hujah/Bukti S.Q. Fatimi

- (a) Berlaku perpindahan beramai-ramai pedagang Islam yang tinggal di Canton ke Asia Tenggara sekitar tahun 876 M
- (b) Penemuan Batu Bersurat Terengganu di Kuala Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu membuktikan telah wujud kerajaan tua yang bergantung pada perdagangan
- (c) Terdapat persamaan unsur seni bina di China dengan unsur seni bina pada masjid-masjid di Nusantara seperti di Kelantan, Melaka dan Pulau Jawa
- (d) Unsur seni bina China pada masjid di Melaka dapat dilihat pada bumbung masjid sama dengan rumah ibadat di China/Pagoda
- (e) Penemuan batu nisan di kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang
- (f) Pengaruh atap genting di China serta warna merah dan kuning pada kayu kepala pintu, jubin lantai, dinding, tangga dan kolam air di masjid

### 7.1.3 Teori dan Bukti Islam Datang dari India

#### 1 Islam datang dari India

Tokoh – Snouck Hurgronje

Hujah/Bukti

- (a) Hubungan perdagangan yang begitu lama antara India dengan Asia Tenggara membolehkan pedagang Islam India menyebarkan Islam ke rantau ini
- (b) Terdapat batu marmar pada batu nisan di perkuburan Malik Ibrahim di Gerisik, Jawa dan batu nisan Malik as-Salih di Pasai yang mempunyai ciri buatan dari pantai Koromandel
- (c) Masyarakat Asia Tenggara mempunyai perkaitan yang rapat dengan India dari segi budaya.
- (d) Wujud unsur Hindu di Asia Tenggara menunjukkan hubungan yang rapat

### 7.2 Penyebaran Islam di Asia Tenggara

#### 7.2.1. Cara dan Penerimaan Islam

##### 1 Cara Islam berkembang di Asia Tenggara

- (a) Perdagangan
  - Disebarkan oleh pedagang Islam berketurunan Arab, China dan India yang berdagang di Asia Tenggara
  - Mereka singgah di pelabuhan di Asia Tenggara untuk menunggu perubahan angin monsun
  - Membina perkampungan yang menjadi pusat perbincangan tentang agama Islam dalam kalangan pedagang
  - Ada yang berkahwin dengan wanita tempatan
  - Amalan nilai Islam menarik minat penduduk tempatan memeluk Islam

- Mempunyai hubungan baik dengan pemerintah
- Dianugerahkan jawatan Syahbandar oleh pemerintah
- (b) Perkahwinan
  - Perkahwinan siasah dalam kalangan kerabat diraja, seperti di Melaka – Sultan Mansur Syah dan Sultan Muzafar Syah telah mengahwinkan puteri mereka dengan raja Siak, Kampar, Inderagiri dan Jambi di Sumatera Utara, Pahang dan Kedah
  - Perkahwinan biasa berlaku antara pedagang Islam atau ulama dari Arab atau India dengan penduduk tempatan
- (c) Pengislaman raja dan golongan bangsawan
  - Rakyat akan memeluk Islam setelah raja/golongan bangsawan memeluk Islam
  - Pengislaman Megat Iskandar Syah Melaka dan pengislaman Raja Malik al-Salih Pasai
- (d) Kerajaan Islam
  - Melaka menyebarkan Islam melalui perluasan kuasa ke atas kawasan yang ditakluki
  - Ulama dihantar ke kawasan tersebut untuk mengajar tentang agama Islam
  - Kerajaan Demak menyebarkan Islam ke seluruh Pulau Jawa setelah menguasai Majapahit dan Mataram
  - Kerajaan Aceh berusaha menyekat pengaruh agama Kristian di Kepulauan Melayu
- (e) Pusat kebudayaan
  - Sebagai pusat keilmuan dengan terdapatnya institusi pendidikan dan golongan cerdik pandai
  - Sebagai pusat penyebaran Islam di Asia Tenggara
  - Kerajaan Samudera-Pasai menjadi pusat penterjemahan kitab Arab ke bahasa Melayu
  - Cerdik pandai dan ulama di Samudera Pasai menjadi pakar rujuk kepada ulama dari luar
  - Johor-Riau merupakan pusat menghasilkan banyak hasil kesusasteraan seperti Tuhfat al-Nafis dan Peringatan Sejarah Johor
- (f) Mubaligh
  - Menjalankan dakwah Islamiah
  - Ulama terkenal ialah Syeikh Ismail, Syarif Amir, Syeikh Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar dan Maulana Yusuf
  - Mengajar perkara asas tentang Islam secara tidak formal di masjid, istana dan rumah
  - Mendirikan institusi pendidikan formal seperti pondok, pasentren dan dayah
  - Menjadi penasihat kepada pemerintah
  - Memberi bantuan kepada pentadbiran Aceh
  - Wali Songo menjadikan Demak sebagai pusat pergerakan Islamiah
- (g) Keistimewaan Islam
  - Kemurnian ialah konsep Tuhan Yang Maha Esa atau tauhid, keadilan, hak individu dan masyarakat, dan kehidupan yang harmoni
  - Islam menuntut manusia berfikir secara rasional



### 7.3 Pengaruh Islam di Asia Tenggara

#### 1 Pengaruh Islam di Asia Tenggara

- (a) Pemerintahan dan pentadbiran
  - Institusi kesultanan diperkenalkan
  - Sultan sebagai ketua negara
  - Mufti dilantik sebagai penasihat sultan
  - Pentadbiran negara dibantu oleh kadi, khatib, bilal, pemungut zakat, penyelia baitulmal dan penjaga harta wakaf
  - Pemerintah menggunakan gelaran sultan
  - Sultan dianggap sebagai khalifah Allah
  - Pemerintah menerapkan unsur-unsur Islam dalam pentadbiran
  - Nama raja menggunakan nama Islam
  - Kerajaan Islam memperkenalkan undang-undang syariah
  - Undang-undang Islam dipraktikkan dengan tegas
  - Islam menggerakkan semangat jihad menentang penjajah
- (b) Sistem pendidikan
  - Umat Islam diseru menuntut ilmu pengetahuan
  - Peluang pendidikan kepada semua golongan
  - Wujudnya institusi pendidikan formal seperti istana, pondok, pesantren, madrasah dan surau
  - Kemunculan pusat penterjemahan karya agama
  - Pendidikan pondok meluas di Asia Tenggara
  - Wujudnya sistem pendidikan yang teratur dan sistematik berasaskan peringkat pendidikan
  - Wanita berpeluang untuk belajar dan memegang jawatan
- (c) Bahasa dan kesusasteraan
  - Kemunculan tulisan jawi
  - Tulisan jawi menjadi tulisan rasmi dalam pentadbiran
  - Bahasa Melayu menjadi bahasa lingua-franca di kepulauan Melayu
  - Bahasa Melayu menjadi bahasa ilmu
  - Bahasa Melayu menjadi mantap dan menghasilkan cerita-cerita panji
  - Hasil kesusasteraan Melayu dipengaruhi gaya, tatabahasa sastera Islam
  - Bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa perantaraan dalam perdagangan
- (d) Cara hidup
  - Cara hidup berorientasikan Islam seperti cara berpakaian bertudung kepala dan bersongkok
  - Islam dijadikan sebagai 'ad-din', iaitu cara hidup yang lengkap dan menyeluruh
  - Konsep persaudaraan dan persamaan taraf sesama manusia
  - Nilai akhlak Islam menjadi panduan dalam kehidupan harian
  - Amalan hidup bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain
- (e) Kesenian
  - Seni khat pada batu nisan dan ukiran kayu mengandungi ayat-ayat al-Quran, hadis, hukum dan sejarah sesebuah pemerintahan

- Seni kaligrafi ayat al-Quran dan tulisan jawi
  - Unsur khat pada bangunan masjid, surau dan rumah kediaman
  - Seni bina Islam pada bentuk bangunan masjid, kubah, mimbar, mihrab dan menara azan
  - Bangunan masjid seperti Masjid Ubaidiyah, Kuala Kangsar, Perak dan Masjid Brunei
- (f) Ekonomi
    - Institusi baitulmal diperkenalkan yang berfungsi sebagai perbendaharaan negara
    - Islam menggalakkan umatnya rajin bekerja dan mencari rezeki halal
    - Melarang umatnya mengemis
    - Menggalakkan orang Islam berdagang
    - Mengamalkan unsur-unsur yang halal dalam urusan niaga
    - Melarang amalan riba, penindasan dan penipuan
    - Menyarankan nilai-nilai murni seperti berjimat cermat dan berusaha bersungguh-sungguh

### 7.4 Rumusan Bab

- Kedatangan Islam ke Asia Tenggara dirintis oleh pedagang Islam dari Arab, China dan India
- Pengaruh Islam meresap ke dalam sistem politik, ekonomi dan sosial secara menyeluruh
- Kegiatan keilmuan dilakukan oleh semua pihak termasuk pemerintah, pembesar, ulama dan orang awam

#### Praktis Objektif

1	B	2	C	3	B	4	D	5	B
6	B	7	A	8	D	9	A	10	D
11	B	12	D	13	A	14	C	15	A
16	B	17	D	18	D	19	C	20	A
21	D	22	B	23	D	24	B	25	D
26	A								

## Bab 8 ➡ Pembaharuan dan Pengaruh Islam di Malaysia Sebelum Kedatangan Barat

### 8.1 Pengaruh Kedatangan Islam terhadap Politik

#### 8.1.1 Pentadbiran

- 1 Pengaruh Islam
  - Pengenalan institusi pemerintahan beraja
  - Raja menggunakan gelaran sultan
  - Sultan menggunakan gelaran Khalifatul Mukminin yang bermaksud pemimpin orang mukmin
  - Asas nasab keturunan raja ialah Iskandar Dzulkarnain
  - Institusi raja kekal sebagai institusi warisan
  - Sultan sebagai kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan
  - Sultan dibantu oleh pembesar, iaitu bendahara, laksamana, penghulu bendahari dan temenggung
  - Golongan ulama menjadi penasihat kepada sultan
  - Konsep daulat digunakan bertujuan mengukuhkan kedudukan institusi kesultanan
  - Kedaulatan sultan melalui adat-istiadat, cara berpakaian, bahasa dan pengucapan, tingkah laku dan adat pertabalan

- Mengamalkan amalan protokol
  - Upacara lafaz ikrar diadakan oleh sultan atau pembesar dalam upacara perlantikan dan pertabalan
  - Pengganti sultan akan dilantik sebelum upacara pemakaman dilakukan
- 2 Maksud daulat
- Pengikut antara golongan rakyat dengan golongan pemerintah
  - Dipegang sebagai sesuatu yang dipercayai kebenarannya
  - Mengangkat kedudukan raja atau sultan ke tahap yang tinggi
  - Menimbulkan penghormatan rakyat terhadap insitusi raja
- 3 Cara konsep daulat diperkukuhkan
- Cara berpakaian dan jenis pakaian
  - Bahasa dan pengucapan
  - Tingkah laku
  - Istiadat pertabalan dengan penuh tertib dan mengikut aturan yang ditetapkan

### 8.1.2 Perundangan

- 1 Perbezaan antara Adat Perpatih dengan Adat Temenggung

Adat Perpatih	Aspek	Adat Temenggung
Diasaskan oleh Datuk Perpatih Nan Sebatang dari Pagar Ruyung, Sumatera	Asal-usul	Diasaskan oleh Datuk Ketumanggungan dari Palembang, Sumatera
Musyawaharah sebagai asas pentadbiran dan penyelesaian masalah	Pemerintahan pentadbiran	Raja berkuasa mutlak; sistem pewarisan takhta
Setiap suku dianggap sebagai sebuah keluarga; setiap ahli tidak dibenarkan berkahwin dengan suku yang sama	Keluargaan	Setiap individu bebas berkahwin dengan pasangan pilihannya mengikut syarak
Bersifat matrilinear, iaitu mengutamakan jurai keturunan ibu	Jurai keturunan	Bersifat patrilinear, iaitu mementingkan jurai keturunan bapa
Bersifat memulihkan keadaan; diat, iaitu hukuman berbentuk denda atau ganti rugi	Hukuman	Bersifat pembalasan

Adat Perpatih	Aspek	Adat Temenggung
Anak perempuan diberikan hak mewarisi harta	Pewarisan harta	Anak lelaki diutamakan, iaitu mengikut hukum faraid Islam
Orang Minangkabau di Negeri Sembilan dan di Nanning, utara Melaka	Pengamalan	Semua negeri-negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan dan Nanning

- 2 Ciri-ciri Hukum Kanun Melaka
- (a) Menjelaskan tanggungjawab raja dan pembesar
  - (b) Pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat
  - (c) Hukuman terhadap kesalahan jenayah
  - (d) Undang-undang keluarga
  - (e) Permasalahan ibadah
  - (f) Jenis-jenis hukuman terhadap kesalahan tertentu
- 3 Seseorang nakhoda dalam sebuah kapal diertikan sebagai imam dan anak kapal sebagai makmum
- 4 Undang-undang bertulis
- (a) Undang-undang Pahang – Digubal sewaktu pemerintahan Sultan Abdul Ghaffur Muhyuddin yang memerintah antara tahun 1592–1614
  - (b) Undang-undang Kedah – Mempunyai empat bahagian, iaitu undang-undang pelabuhan, undang-undang tentera bertarikh 1667, Hukum Kanun Dato’ Star dan Undang-Undang 1784
  - (c) Undang-undang Perak – Dikenali sebagai Undang-Undang 99 Perak yang dibawa oleh seorang Arab bernama Sayyid Husain al-Furadz pada abad ke-17
  - (d) Undang-undang Johor – Bertarikh 1789 dan didasarkan pada Undang-Undang Laut Melaka dan Hukum Kanun Melaka

## 8.2 Pengaruh Kedatangan Islam terhadap Sosiobudaya

### 8.2.1 Pendidikan

- 1 Maksud sistem pendidikan masyarakat Melayu tradisional

Tidak Formal	Formal
Pendidikan awal atau asuhan yang berlaku dalam institusi keluarga	Pendidikan yang berkaitan dengan keagamaan secara langsung atau melalui perantaraan institusi tertentu

Ciri-ciri pendidikan tidak formal

- (a) Pengajaran nilai-nilai moral melalui pendengaran, penglihatan dan pemerhatian
- (b) Nilai-nilai murni diterapkan melalui cerita-cerita lisan
- (c) Kanak-kanak mempelajari pantang larang dan adat istiadat melalui pergaulan sosial

- (d) Pendidikan menerusi pantun, peribahasa dan teka teki
- (e) Ibu bapa mengajar anak-anak tentang agama, kelakuan dan adat resam, sikap bersopan santun, cara berkawan dan menjaga maruah
- (f) Kanak-kanak mempelajari kemahiran ibu bapa seperti pertanian, perikanan, kraf tangan atau pertukangan

Ciri-ciri pendidikan formal

- (a) Semua golongan mendapat pendidikan
  - (b) Menekankan keagamaan
  - (c) Dilaksanakan di istana, masjid, rumah, surau, madrasah dan pondok
  - (d) Pengajaran al-Quran diadakan di rumah guru al-Quran atau tok guru
  - (e) Murid-muridnya berumur antara 7 hingga 15 tahun
  - (f) Selepas kedatangan Islam istana berperanan sebagai institusi pendidikan
- 2 Fungsi istana
- Sebagai pusat pengajian agama Islam
  - Sebagai tempat ulama dan pendakwah mengajar ilmu agama
  - Menjadi tempat perbincangan bagi ulama daripada pelbagai bangsa
  - Tempat mengembangkan ilmu tasawuf
  - Menjadi tempat menyimpan buku-buku hikayat
  - Pusat pendidikan ilmu politik dan pentadbiran
- 3 Fungsi surau, rumah dan pondok

#### Surau/Masjid

- Pusat pertemuan dan perkumpulan masyarakat
- Tempat paling ideal untuk mengembangkan ilmu-ilmu Islam
- Kanak-kanak diajar ilmu fikah, tajwid, cara dan bacaan dalam sembahyang serta perkara berkaitan Islam
- Pengajian agama orang dewasa dijalankan waktu malam – ilmu fikah, usuluddin, hadis, tasawuf

#### Rumah

- Menekankan pengajaran al-Quran
- Dilakukan di rumah guru al-Quran atau tok guru
- Kanak-kanak berumur 7 hingga 15 tahun
- Menjadi asas kepada pendidikan agama kanak-kanak

#### Pondok

- Menekankan ilmu keagamaan
  - Menyediakan pelajar untuk bertugas sebagai guru agama/berkhidmat kepada masyarakat
  - Meluas di Kelantan, Terengganu dan Perlis
  - Sistemnya lebih tersusun
  - Tidak mempunyai batasan waktu dan ambil masa yang agak panjang – 10 tahun
  - Contoh: Pondok Pulau Condong (Kelantan)
- 4 Ciri-ciri pendidikan Sistem Madrasah
- (a) Pendidikan berdasarkan sukatan pelajaran
  - (b) Dilaksanakan secara kelas
  - (c) Mengikut tahap, iaitu tahap permulaan, pertengahan dan pengkhususan
  - (d) Diawasi oleh mudir, iaitu guru besar
  - (e) Perjalanan madrasah diselia oleh sebuah lembaga dan jawatankuasa kewangan

## 8.2.2 Bahasa dan Kesusasteraan

### 1 Pengaruh Islam dalam bahasa dan kesusasteraan

#### Bahasa

- Pengenalan tulisan jawi
- Tulisan jawi menjadi saluran utama untuk pembacaan dan penulisan
- Perbendaharaan kata Melayu diambil daripada bahasa Arab
- Memperkayakan istilah dalam cabang ilmu Islam seperti fikah, tauhid dan tafsir

#### Kesusasteraan

- Hasil kesusasteraan Melayu terpengaruh dengan gaya, tatabahasa dan bentuk sastera Islam
  - Penghasilan karya berbentuk prosa dan puisi
  - Perbendaharaan persuratan Melayu bertambah
- 2 Pengaruh Islam dalam bidang penulisan karya
- Karya yang dihasilkan berbentuk prosa dan puisi
  - Terdapat hikayat tentang Nabi Muhammad SAW, iaitu Hikayat Nur Muhammad dan Hikayat Bulan Berbelah
  - Terdapat hikayat tentang nabi lain seperti Hikayat Nabi Yusuf dan Hikayat Nabi Musa a.s.
  - Terdapat cerita tentang para sahabat seperti Hikayat Abu Bakar dan Hikayat Hasan dan Husin
  - Hikayat Amir Hamzah dan Hikayat Muhammad Ali Hanafiah
  - Terdapat karya puisi, iaitu Syair Dahulu Kala
  - Terdapat hikayat saduran seperti Hikayat Abu Nawas dan Hikayat Hasan Damsyik

## 8.2.3 Kesenian

### 1 Pengaruh Islam dalam kesenian

#### (a) Seni khat

- Tulisan khat digunakan sebagai hiasan pada masjid, madrasah, mata wang, batu nisan, barang tembikar dan pakaian
- Jenis tulisan khat ialah jenis kufi dan nasakh
- Tulisan khat lebih merupakan petikan ayat al-Quran, iaitu surah Yasin, surah al-Fatihah dan lain-lain

#### (b) Seni bina

- Binaan masjid
- Ciri-ciri khas seperti mihrab, mimbar, telaga atau pancur air dan bumbung khusus
- Contohnya, Masjid Kampung Laut di Kelantan, Masjid Peringgit dan Masjid Tengker di Melaka
- Seni bina rumah dan istana
- Istana raja dilengkapi dengan balairung, tempat persemayaman diraja, balai istiadat
- Setiap binaan rumah dilengkapi hiasan dalaman yang bermotifkan tumbuh-tumbuhan, bunga-bunga dan geometri

#### (c) Seni persembahan

- Tarian, drama, muzik, nyanyian dan wayang kulit
- Tarian dabus di Perak memaparkan pengaruh Arab

- Nyanyian pengaruh Islam ialah nazam atau naban
- Seni dikir yang dinyanyikan dengan iringan pukulan rebana dan kompang
- Kesenian ghazal, iaitu puisi Arab yang memuji-muji kebesaran Islam

### 8.2.4 Gaya Hidup

- 1 Pengaruh Islam dalam gaya hidup orang Melayu
  - (a) Hubungan kekeluargaan sangat rapat
  - (b) Menghormati ibu bapa dan orang yang lebih tua
  - (c) Menggunakan panggilan tertentu untuk orang yang lebih tua
  - (d) Kanak-kanak mencium tangan orang tua apabila bersalaman
  - (e) Merendahkan suara apabila bercakap dengan orang lebih tua
  - (f) Jiran dianggap sebagai keluarga
  - (g) Orang yang datang berziarah hendaklah memberi salam
  - (h) Tuan rumah bersalaman dengan tetamu
  - (i) Tetamu dihidangkan makanan dan minuman
  - (j) Membaca “bismillah” semasa hendak makan
  - (k) Majlis-majlis diadakan secara Islam
  - (l) Majlis dijalankan dengan semangat gotong-royong
  - (m) Nilai-nilai perpaduan sangat diutamakan

[mana-mana sepuluh]

## 8.3 Kesan Kedatangan Islam terhadap Ekonomi

### 8.3.1 Perdagangan

- 1 Pengaruh Islam dalam bidang perdagangan
  - Memperkenalkan sistem timbang dan sukat
  - Syahbandar bertanggungjawab terhadap hal ehwal perdagangan
  - Peratusan timbang dan sukat menggunakan sistem tahil dan kati
  - Barangan yang ditimbang termasuk emas, perak, bahan wangan dan batu permata
  - Sistem bahara digunakan untuk timbang lada hitam, buah pala, bunga cengkih
  - Timbangan dilakukan dengan menggunakan dachim (dacing)
  - Menggunakan kaedah pertukaran barang dan kaedah jual beli
- 2 Sebab Melaka menjadi pusat perdagangan
  - Terletak di laluan yang strategik di tengah-tengah jalan perdagangan
  - Mempunyai pentadbiran yang licin dan teratur
  - Jawatan laksamana diwujudkan bagi menjaga urusan kelautan
  - Jawatan Syahbandar sebagai ketua pelabuhan
  - Undang-undang Laut Melaka yang berkaitan kelautan digubal
  - 84 bahasa dipertuturkan di Melaka yang membuktikan kepesatan perdagangannya
  - Wujudnya sistem timbang dan sukat seperti tahil dan kati

- Kaedah pertukaran barang dan kaedah jual beli memudahkan urusan perdagangan

### 8.3.2 Mata Wang

- 1 Ciri-ciri Islam mata wang
  - Mata wang timah dikenali sebagai wang katun
  - Tidak mempunyai tarikh
  - Mempunyai tulisan jawi/Arab
- 2 Jenis mata wang
  - Wang timah digunakan di Melaka yang berbentuk bulat, beratnya satu kati dan mempunyai nama sultan serta tarikh Islam
  - Mata wang timah di Johor dikenali sebagai wang kartun yang berbentuk bulat atau segi enam dan bertulisan jawi
  - Mata wang timah di Kedah berbentuk seekor ayam jantan yang hinggap di atas beberapa cincin yang boleh dipatahkan
  - Mata wang emas digunakan pada abad ke-16 di Kedah, Johor dan Kelantan
  - Di Kelantan dikenali sebagai kijang kerana terdapat gambar kijang
  - Di Johor dikenali sebagai kupang yang tertera nama nama dan pangkat sultan memerintah
  - Mata wang Pasai, Hormuz dan Cambay juga digunakan di Melaka
  - Pedagang Eropah menggunakan wang perak
  - Pedagang India, China dan Arab menggunakan emas

### 8.3.3 Percukaian

- 1 Maksud cukai
  - Cukai merupakan bayaran yang dikenakan oleh pihak pemerintah terhadap aktiviti atau barangan
  - Menjadi sumber pendapatan negara
  - Disalurkan untuk pembangunan negara
- 2 Peraturan-peraturan cukai
  - Cukai dikenakan ke atas barangan yang diperdagangkan
  - Cukai tetap (cukai import) dikenakan sebanyak 6% kepada pedagang Ceylon, Tanah Arab, Siam dan Pegu
  - Pedagang Jepun dan China dikenakan cukai 5%
  - Beras dan makanan tidak dikenakan cukai
  - Orang asing dari Kepulauan Melayu dikenakan cukai diraja sebanyak 3%
  - Orang asing lain dikenakan cukai diraja sebanyak 6%
  - Amalan riba diharamkan/tidak dibenarkan
  - Golongan kaya dikehendaki membayar zakat harta
- 3 Pengaruh Islam
  - Amalan riba tidak dibenarkan
  - Dijelaskan dalam Hukum Kanun Melaka
  - Digunakan juga dalam Hukum Kanun Pahang
  - Golongan ceti dibenarkan
  - Golongan kaya membayar zakat harta
  - Zakat disimpan oleh baitulmal yang menyelenggarakan harta kerajaan
  - Bertujuan untuk kemakmuran negara dan sebagai sumber membantu masyarakat

## 8.4 Rumusan Bab

- Pengaruh Islam membawa perubahan besar dalam aspek politik, ekonomi dan sosial
- Kelahiran kerajaan Islam sebagai pusat perdagangan dan penyebaran Islam di Asia Tenggara
- Kedatangan Islam membawa semangat nasionalisme dan intelektualisme dalam kalangan masyarakat atasan dan rakyat

### Praktis Objektif

1	B	2	B	3	B	4	D	5	A
6	A	7	A	8	B	9	A	10	D
11	D	12	D	13	A	14	C	15	C
16	C	17	C	18	A	19	D	20	D
21	A	22	D	23	A	24	C		

## Bab 9 ➡ Perkembangan di Eropah

### 9.1 Perubahan Masyarakat dan Budaya Eropah

#### 9.1.1 Zaman Gelap dan Ciri-cirinya

- 1 Maksud Zaman Gelap
  - Zaman kemunduran masyarakat Eropah
  - Bermula selepas kejatuhan Tamadun Rom
  - Merupakan peringkat awal Zaman Pertengahan
- 2 Ciri-ciri Zaman Gelap
  - (a) Pentadbiran pusat yang lemah
  - (b) Kelembapan dalam ilmu pengetahuan
  - (c) Kegiatan ekonomi terhad
  - (d) Kongkongan pihak gereja
  - (e) Kegiatan perdagangan tidak meluas dan terhad
  - (f) Kemunculan golongan baron (tuan tanah)
  - (g) Perdagangan Timur jauh dan kawasan Mediterranean dikuasai oleh orang Islam
- 3 Ciri-ciri persamaan masyarakat feudal di Eropah dan negara kita
  - (a) Raja menjadi penaung dalam negara
  - (b) Raja memiliki tanah secara mutlak
  - (c) Raja menaungi pembesar
  - (d) Pembesar memberi khidmat kepada raja
  - (e) Rakyat memberi khidmat kepada tuan tanah/pembesar
  - (f) Terdapat golongan hamba
  - (g) Rakyat terlibat dalam sistem kerah terutama dalam ketenteraan apabila berperang
- 4 Perubahan di Eropah
  - (a) Perubahan ekonomi
    - Peningkatan aktiviti pertanian
    - Peningkatan aktiviti perdagangan
  - (b) Perubahan sosial
    - Kemunculan bandar-bandar baru seperti Venice, Milan dan Florence
    - Kemunculan kelas pertengahan
    - Status sosial berdasarkan kekayaan
  - (c) Perubahan politik
    - Rakyat mula terlibat dalam politik
    - Institusi parlimen diwujudkan
    - Pemberian hak politik kepada rakyat
    - Terjalinnnya hubungan rakyat dengan pemerintah

#### 9.1.2 Zaman Renaissance (1350 –1600)

- 1 Maksud Renaissance
  - Berasal daripada perkataan Itali, iaitu “*renisciment*” yang bermaksud “kelahiran semula”
  - Penghargaan semula ilmu pengetahuan
- 2 Faktor-faktor tercetusnya Renaissance
  - (a) Kemunculan aliran pemikiran humanisme/manusia berfikir untuk menyelesaikan permasalahan
  - (b) Kemunculan tokoh-tokoh humanisme seperti Francesco Petrarch, Niccolo Machiavelli dan Giovanni Bocaccio
  - (c) Kemunculan bandar-bandar pelabuhan yang menjadi pusat perdagangan antarabangsa
  - (d) Pertembungan budaya, agama dan bahasa di bandar-bandar utama
  - (e) Itali menjadi pusat perkembangan idea baru
  - (f) Pedagang menggunakan kekayaan untuk mengindahkan bandar
  - (g) Pedagang kaya menjadi penaung (*patron*) kepada cendekiawan
  - (h) Persaingan antara bandar-bandar untuk mendapatkan tokoh cendekiawan
  - (i) Cendekiawan sering berkunjung dari bandar ke bandar untuk menyebarkan idea Renaissance
  - (j) Penguasa gereja di Rom menjadi penaung kepada seniman dan cendekiawan
  - (k) Perkembangan semangat individualisme dalam kalangan cendekiawan
  - (l) Semangat membina kemahiran dalam semua aspek intelektual

[mana-mana empat]
- 3 Kesan Renaissance
  - (a) Politik – Kemunculan monarki baru
  - (b) Ekonomi
    - Pembayaran cukai secara langsung kepada kerajaan pusat
    - Kuasa gereja dan golongan bangsawan berkurangan
    - Kegiatan ekonomi sara diri kian pupus
    - Sistem perdagangan semakin berkembang
  - (c) Sosial
    - Berlakunya kegiatan penjelajahan dan penerokaan
    - Merintis jalan ke arah perkembangan dalam bidang ilmu pengetahuan
    - Munculnya seniman dalam masyarakat
    - Berlakunya perubahan sikap masyarakat terhadap pendidikan yang menekankan pemikiran logik
- 4 Tokoh-tokoh dan bidang kepakaran Zaman Renaissance
  - (a) Francesco Petrarch – Bapa Humanisme (karya *Songbook*)
  - (b) Niccolo Machiavelli – Ahli Falsafah (karya *The Prince*)
  - (c) Johann Gutenberg – Teknik Percetakan
  - (d) Leonardo da Vincci – Pelukis dan Pengukir Agung/Arkitek



- (e) Michaelangelo – Pelukis dan Pengukir Agung/Arkitek
- (f) William Shakespeare – Pemikir England/Penulis Sastera
- (g) Isaac Newton – Ahli Sains (Teori Hukum Gravitasi)  
[mana-mana empat]

### 9.1.3 Gerakan Reformation

#### 1 Maksud Reformation

- Berasal daripada perkataan “reform”
- Bermaksud melaksanakan perubahan atau pembaharuan
- Pembaharuan yang berkaitan dengan agama Kristian

#### 2 Faktor-faktor tercetusnya Reformation

- (a) Kritikan terhadap kedudukan dan amalan gereja Katolik
- (b) Penyelewengan pihak gereja
- (c) Penciptaan mesin cetak
- (d) Kemunculan Martin Luther sebagai pelopor idea reformasi
- (e) Penyebaran mazhab Protestant ke seluruh Eropah oleh Heldreich Zwingli dan John Calvin  
[mana-mana empat]

#### 3 Idea-idea penting perjuangan Martin Luther

- (a) Menentang amalan *indulgences*
- (b) Dalam amalan pengibadatan, manusia harus bergantung kepada kekuatan rohaninya
- (c) Mencabar kedudukan gereja Roman Katolik
- (d) Mencabar kewibawaan paderi
- (e) Munculnya mazhab Protestan yang berasal daripada perkataan *protesting* yang bermaksud membantah membantah

#### 4 Kesan Zaman Reformation

- (a) Negara Eropah berpecah mengikut mazhab masing-masing
- (b) Perbalahan agama mengakibatkan peperangan dan kemusnahan
- (c) Masyarakat Eropah dikuasai oleh banyak mazhab
- (d) Timbulnya sikap toleransi antara pelbagai mazhab untuk mempergiatkan pendidikan
- (e) Setiap mazhab berusaha menyebarkan fahaman masing-masing
- (f) Kuasa gereja telah dicabar secara terbuka
- (g) Kuasa gereja terhadap kerajaan semakin berkurangan
- (h) Monarki baru membebaskan diri daripada penguasaan paus di Rom
- (i) Raja Henry VIII di England menjadi ketua kerohanian Gereja Protestan Anglican

## 9.2 Penjelajahan dan Penerokaan

### 9.2.1 Penemuan Jalan Laut dan Dunia Baharu

#### 1 Kuasa Eropah

- (a) Sepanyol
- (b) Portugal
- (c) Britain
- (d) Belanda
- (e) Perancis

#### 2 Sebab-sebab penjelajahan

- (a) Kesan *Renaissance* – Kejayaan dalam bidang sains dan teknologi Zaman *Renaissance*
- (b) Desakan ekonomi
  - Orang Eropah ingin mendapatkan sendiri barangan dari Timur
  - Perdagangan rempah ratus dan sutera mendatangkan keuntungan yang besar kepada perdagangan Eropah
- (c) Semangat keagamaan
  - Penguasaan Istanbul oleh orang Islam menyebabkan orang Eropah sukar mendapat barangan dagangan
  - Gereja Katolik memberi galakan supaya menyebarkan agama Kristian
  - Raja Sepanyol dan Portugal/monarki baru di England, Perancis dan Belanda memberi galakan
- (d) Semangat kebanggaan bangsa
  - Persaingan negara-negara Eropah untuk mendapatkan tanah jajahan
  - Perjanjian Tordesillas 1494 telah menetapkan pembahagian pengaruh antara Portugal dan Sepanyol
  - Kemunculan pelaut yang berkebolehan
  - Dorongan slogan “*Gold, Gospel and Glory*”
  - Masyarakat Eropah berani dan optimistik menghadapi cabaran

#### 3 Kesan-kesan penjelajahan kuasa Barat

##### Ekonomi

- Negara luar Eropah menjadi pembekal barangan keperluan masyarakat Eropah
- Pusat emporium dunia telah dikuasai kuasa Eropah
- Kekayaan negeri jajahan dibolot oleh kuasa Eropah
- Jalan perdagangan yang dulunya dikuasai oleh pedagang Islam telah dikuasai oleh kuasa Eropah

##### Politik

- Penguasa tempatan terpaksa membuat perjanjian dengan wakil kuasa Eropah
- Pemerintah tempatan mengiktiraf kekuatan kuasa Eropah
- Pengiktirafan penglibatan Eropah dalam perdagangan melalui syarikat berpiagam

##### Sosial

- Masyarakat tempatan terpengaruh dengan gaya hidup Eropah
- Masyarakat peribumi menerima agama Kristian
- Penghijrahan beramai-ramai orang Eropah mewujudkan sebuah masyarakat baru di wilayah yang ditakluki
- Tamadun tempatan telah dihapuskan oleh kuasa Eropah
- Buruh tempatan dieksploitasi untuk kepentingan ekonomi Eropah
- Munculnya petempatan orang Eropah di negara yang ditakluki

- 4 Tokoh-tokoh penjelajahan dan penerokaan
  - (a) Christopher Columbus – orang Eropah pertama yang sampai ke Amerika
  - (b) Ferdinand Magellan ke Timur dan terbunuh di Filipina
  - (c) Raja Sepanyol dan Raja Portugal

### 9.3 Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian

#### 9.3.1 Revolusi Pertanian

- 1 Sebab-sebab teretusnya Revolusi Pertanian
  - (a) perubahan dalam sistem penggunaan dan pemilikan tanah
  - (b) Penggunaan kaedah/teknik saintifik
  - (c) Kaedah pemasaran produk pertanian secara lebih meluas dan berkesan
- 2 Sistem pemilikan tanah
  - (a) Sistem pemilikan tanah persendirian
  - (b) Sistem pemilikan tanah awam
- 3 Kesan Akta Pemagaran
  - (a) 500 000 ekar tanah awam telah dipagarkan
  - (b) Terdapat kawasan yang luas untuk penanaman secara besar-besaran
  - (c) Terbentuknya ladang
  - (d) Rakyat biasa kehilangan punca rezeki
  - (e) Golongan petani menjadi buruh ladang
  - (f) Petani berhijrah ke bandar menjadi buruh kilang

[mana-mana empat]

- 4 Kaedah dan ciptaan baharu
  - Jethro Tull – Alat menggali dan menugal tanaman dengan pantas serta lebih efisien
  - Turnip Townshend (Lord Townshend) – Merupakan kaedah penanaman bergilir, iaitu tanaman berbeza mengikut musim seperti semanggi, *clover* dan *turnip*
- 5 Kesan-kesan akibat perkembangan bidang pertanian
  - Penanaman besar-besaran dilaksanakan melalui sistem ladang
  - Petani kecil menjadi buruh ladang
  - Peladang kaya melabur modal dalam bidang perindustrian
  - Revolusi Pertanian membekalkan bahan makanan bagi menampung keperluan pekerja kilang. Britain tidak bergantung kepada pengimportan bahan mentah dari luar
  - Rekaan kaedah baru dalam bidang pertanian

#### 9.3.2 Revolusi Perindustrian

- 1 Faktor-faktor
  - (a) Sumbangan daripada Revolusi Pertanian
  - (b) Rekaan baru dalam bidang sains dan teknologi
  - (c) Semangat dan kegiatan keusahawanan
  - (d) Penciptaan baru/penggunaan mesin dalam bidang pengeluaran
  - (e) Pengkhususan pengeluaran

- (f) Penggunaan teknologi berasaskan pembakaran arang batu

[mana-mana empat]

#### 2 Peralatan yang dicipta

Tahun	Ciptaan	Pereka
1733	<i>Flying Shuttle</i>	John Kay
1765	<i>Spinning Jenny</i>	James Hargreave
1765	<i>Water Frame</i>	Sir Richard Arkwright
1790	<i>Mule</i>	Samuel Crompton

- 3 Persamaan Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian
  - Melahirkan peladang kaya
  - Menyediakan modal untuk industri
  - Peladang melabur modal dalam industri
  - Menyediakan makanan untuk pekerja kilang
  - Asas mencetus Revolusi Perindustrian
  - Petani kecil menjadi buruh kilang
  - Pertanian ladang memerlukan jentera
- 4 Kesan Revolusi Pertanian dan Revolusi Perindustrian
  - (a) Pertanian sebagai punca ekonomi
  - (b) Peningkatan perdagangan antarabangsa
  - (c) Kemajuan bidang pengangkutan
  - (d) Kemunculan golongan buruh dan majikan
  - (e) Kegiatan pembuatan menggantikan kegiatan pertanian
  - (f) Bidang pembuatan menjadi bidang utama ekonomi negara
  - (g) Ramai rakyat Britain terlibat sebagai pekerja industri
  - (h) Bidang perindustrian menjadi punca ekonomi rakyat
  - (i) Wujudnya golongan majikan dan buruh dalam masyarakat
  - (j) Pengusaha/pemilik kilang menjadi tokoh utama dalam masyarakat

[mana-mana lima]

- 5 Britain menjalankan aktiviti perdagangan antarabangsa
  - (a) Lebihan produk diperdagangkan di antarabangsa
  - (b) Keuntungan dimaksimumkan
  - (c) Berlaku kegiatan eksport dan import
  - (d) Memerlukan bahan mentah yang banyak dan berterusan
  - (e) Mengeksport modal ke seberang laut
  - (f) Masyarakat Eropah menjadi penjajah

[mana-mana empat]

- 6 Kesan penciptaan kereta api
  - (a) Membawa perubahan besar kepada sistem pengangkutan domestik
  - (b) Rekaan enjin berkuasa wap membolehkan gerabak dipacu laju
  - (c) Enjin menarik lebih banyak gerabak barangan dan pekerja kilang

## 7 Akta yang diperkenalkan dalam bidang perindustrian

Akta	Tahun	Tujuan Diperkenalkan
(a) Akta Antipenggabungan ( <i>Anti Combination Act</i> )	1800	Melarang pekerja bergabung dan bermuafakat
(b) Akta Kilang	1833	Kanak-kanak di bawah umur sembilan tahun dilarang bekerja dan mesti bersekolah
(c) Akta Lombong	1842	Melarang kanak-kanak perempuan dan wanita dalam perusahaan arang batu
(d) Akta Sepuluh Jam	1847	Masa bekerja wanita dalam perusahaan tekstil tidak lebih 10 jam sehari

### 9.4 Imperialisme Barat di Asia

#### 1 Maksud imperialisme

- Penguasaan sesebuah negara yang lebih kuat terhadap negara lain yang lebih lemah
- Penguasaan ini bertujuan untuk mendapatkan keuntungan dari segi politik dan ekonomi

#### 2 Faktor ekonomi

- Mengubah ekonomi negara yang dijajah supaya secocok dengan keperluan industri mereka
- Ingin mendapatkan bahan mentah yang banyak dan berterusan
- Menstrukturkan semula ekonomi negara yang dijajah supaya menghasilkan bahan mentah secara komersil
- Hasil pengeluaran industri disekat dari dieksport ke Amerika Syarikat dan beberapa negara Eropah kerana peraturan tarif
- Mendapatkan pasaran baru bagi hasil keluaran industri

#### 3 Faktor-faktor lain

- Perlumbaan negara-negara Eropah untuk mendapatkan tanah jajahan
- Anggapan tanah jajahan yang luas merupakan simbol status kekayaan/kemegahan
- Untuk menyebarkan pengaruh tamadun ke seberang laut
- Menganggap penyebaran tamadun tanggungjawab mereka
- Menyebarkan agama Kristian

[mana-mana empat]

## 4 Kesan imperialisme Barat ke atas Asia Tenggara

### (a) Sistem politik

- Pemerintah tempatan terpaksa menerima penasihat dan pentadbir Barat
- Undang-undang peribumi diubahsuai menurut perundangan Barat
- Persaingan kuasa-kuasa Barat telah berlaku di Asia Tenggara
- Kuasa Inggeris telah campur tangan dalam politik di Tanah Melayu, Burma, India dan China
- Kepulauan Melayu telah dipecah perintah

### (b) Ekonomi

- Kegiatan ekonomi peribumi distrukturkan semula agar dapat memberikan keuntungan kepada ekonomi negara penjajah
- Kegiatan ekonomi telah dikomersialkan bagi memastikan bahan mentah dapat dibekalkan untuk industri

### (c) Sosial

- Sistem pendidikan Barat telah diperkenalkan
- Pendidikan Barat tersebar di kawasan bandar sahaja
- Kemasukan buruh asing membawa perubahan kepada demografi dan komposisi etnik
- Ketegangan hubungan kaum semasa pemerintahan penjajah

### (d) Tamadun

- Menyebarkan pengaruh tamadun ke seberang laut
- Semangat bersaing dan menakluk kawasan di luar Eropah
- Perluasan tanah jajahan sebagai status atau simbol kuasa yang kuat
- Tugas mereka untuk sebarkan tamadun di luar Eropah
- Tamadun asal peribumi banyak dimusnahkan

### 9.5 Rumusan Bab

- Semangat inkuiri membawa masyarakat Eropah keluar dari zaman gelap
- Ilmu dan pemikiran membawa kejayaan kepada hidup sesebuah masyarakat
- Keinginan meneroka dan mencari arah baru memerlukan semangat jati diri yang kukuh
- Masyarakat perlu bersikap berani dan bersemangat cinta akan negara
- Negara mampu cemerlang jika rakyatnya bersatu dan berilmu pengetahuan yang tinggi

### Praktis Objektif

1	B	2	C	3	A	4	A	5	D
6	A	7	A	8	D	9	A	10	D
11	A	12	A	13	D	14	D	15	B
16	A	17	B	18	C	19	D	20	D
21	B	22	A	23	D	24	A	25	A

## Bab 10 ➡ Dasar British dan Kesannya Terhadap Ekonomi Negara

### 10.1 Ekonomi Tradisional

- 1 Kegiatan ekonomi sara diri seperti melombong, bercucuk tanam, memungut hasil hutan, memelihara binatang, menangkap ikan secara kecil-kecilan dan menanam tanaman sampingan
- 2 Cara masyarakat Melayu tradisional menjalankan aktiviti pertanian
  - (a) Kegiatan secara sara diri/kecil-kecilan
  - (b) Tanaman padi/ubi, pisang/kelapa
  - (c) Penggunaan teknologi yang mudah
  - (d) Sistem perairan yang mudah
  - (e) Pengeluaran untuk keluarga atau kumpulan masyarakat

### 10.2 Ekonomi Dagangan

- 1 Kegiatan pertanian atau perlombongan yang melibatkan lebihan pengeluaran untuk tujuan pemasaran
- 2 Ciri-ciri ekonomi dagangan
  - (a) Pengeluaran dalam skala yang besar
  - (b) Penggunaan sumber tenaga buruh yang banyak
  - (c) Modal yang besar
  - (d) Penggunaan teknologi yang lebih tinggi
  - (e) Pemasaran yang lebih luas
- 3 Perbandingan ciri-ciri ekonomi tradisional dan ekonomi dagangan

#### Ekonomi tradisional

- Pengeluaran dalam skala kecil
- Menggunakan teknologi mudah
- Modal yang kecil
- Penggunaan buruh terhad
- Pasaran yang kecil
- Lebihan pengeluaran digunakan semula untuk kegunaan sendiri

#### Ekonomi dagangan

- Pengeluaran dalam skala yang besar
- Penggunaan sumber tenaga buruh yang banyak
- Modal yang besar
- Penggunaan teknologi yang lebih tinggi
- Pemasaran yang lebih luas

### 10.2.1 Sistem Pertanian Komersial

- 1 Aktiviti pertanian komersial
  - Ubi kayu
  - Tebu
  - Lada hitam
  - Gambir
  - Tembakau
  - Kopi
- 2 Sistem Kangcu
  - (a) Sistem pajakan tanah kepada pengusaha dari China di Johor
  - (b) Dalam sistem ini, setiap ladang dikenali sebagai kangkar
  - (c) Saiz setiap satu kangkar ialah sekitar 2500 ekar hingga 20 000 ekar

- (d) Setiap kangkar akan dibahagikan kepada beberapa kawasan kecil antara 50–250 ekar
- (e) Setiap kawasan kecil ini akan diusahakan oleh 3–10 orang buruh dari China

### 10.2.1.1 Perusahaan Getah

- 1 Faktor perkembangan perusahaan getah di Tanah Melayu
  - (a) Permintaan tinggi terhadap getah di pasaran antarabangsa
  - (b) Peranan Henry N. Ridley mengadakan pameran dan pengagihan benih getah secara percuma
  - (c) Penemuan cara penorehan getah secara teknik *idibem*/bentuk tulang ikan *herring*
  - (d) Perkembangan industri pembuatan barangan pengguna berasaskan getah
  - (e) Harga getah melambung tinggi
  - (f) Kemasukan modal asing/pelabur Eropah
  - (g) Dasar galakan British dan sokongan kepada pemodal asing
  - (h) Kadar sewa tanah dan tarif cukai yang rendah kepada peladang getah
  - (i) Kemudahan infrastruktur seperti jalan kereta api dan jalan raya
  - (j) Kerajaan British membawa masuk buruh asing, iaitu buruh dari India Selatan
  - (k) Syarikat-syarikat getah kepunyaan orang Eropah telah diberi keutamaan memperoleh pinjaman khas yang diperuntukkan oleh kerajaan British
- 2 Sebab dan langkah mengatasi kemerosotan getah
  - (a) Faktor-faktor
    - Berlaku kemelesetan ekonomi dunia (1929–1932)
    - Tanah Melayu menerima kesan ekonomi global
  - (b) Langkah mengatasi
    - Negara pengeluar getah mengawal pengeluaran getah (Rancangan Sekatan Stevenson (1922))
    - Harga getah mulai stabil kerana permintaan getah tinggi (1934)

### 10.2.1.2 Industri Perlombongan

- 1 Peranan pembesar Melayu
  - (a) Mengawal penglibatan pengusaha dari China
  - (b) Memberi kebenaran kepada pengusaha China untuk mengusahakan lombong
  - (c) Memastikan hasil bijih timah yang dilombong dijual kepada mereka
  - (d) Menentukan harga bijih timah
  - (e) Memajukan lombong kepada saudagar China dari Negeri-Negeri Selat kerana tidak mampu menyediakan modal
- 2 Penguasaan pelombong Eropah dalam industri bijih timah
  - (a) Mampu menyediakan modal yang besar
  - (b) Penggunaan teknologi kapal korek
  - (c) Galakan daripada kerajaan British

- (d) Mengubah perusahaan lombong bijih timah daripada intensif buruh kepada intensif modal
- (e) British meluluskan enakmen dan undang-undang bijih timah
- (f) Orang Eropah mempunyai kelebihan dalam enakmen dan undang-undang bijih timah
- (g) Tanah Melayu pengeluar bijih timah utama dunia sehingga Perang Dunia Kedua
- (h) Pembesar Melayu mengambil jalan mudah untuk mendapat untung dengan memajukan lombong kepada saudagar Negeri-Negeri Selat
- (i) Pembesar Melayu tidak berupaya menyediakan modal

[mana-mana lapan]

### 10.2.1.3 Penggunaan Tenaga Buruh Luar

#### 1 Faktor-faktor kedatangan imigran China dan India Negara China

- Bencana alam – banjir, kebuluran
- Peperangan
- Ketidakstabilan politik
- Pengangguran

#### Tanah Melayu

- Galakan kerajaan British
- Penghijrahan tidak ditentang oleh orang Melayu
- Kemakmuran di Tanah Melayu
- Peluang pekerjaan
- Kestabilan politik

#### Negara India

- Bencana alam – banjir, kebuluran
- Pengangguran
- Ketidakstabilan politik

#### 2 Cara kemasukan imigran China

##### Sistem tiket kredit

- Bakal imigran dikumpulkan dari kampung-kampung di negara China oleh *kheh-thau* (ketua)
- Ketua dibayar sejumlah wang bagi setiap imigran China yang dibawa
- Bakal imigran ini dikenali sebagai *sin kheh*
- Golongan imigran ini diletakkan di bawah pengawasan nakhoda kapal atau agensi buruh yang telah menerima bayaran daripada bakal majikan imigran
- *Sin kheh* perlu membuat perjanjian secara lisan atau bertulis untuk menjelaskan hutang mereka dengan cara bekerja dengan majikan bagi tempoh tertentu
- Mereka akan dibekalkan dengan tiket yang menunjukkan pelabuhan mereka akan tuju beserta keterangan sama ada mereka bebas atau berhutang
- Apabila *sin kheh* sampai di pelabuhan, mereka akan diambil oleh pemborong buruh (orang tengah) yang akan mendapatkan majikan untuk mereka dengan bayaran tertentu

##### Sistem pengambilan kakitangan

- Majikan menghantar pegawainya ke China untuk mendapatkan tenaga buruh
- Segala tambang dan perbelanjaan buruh akan dibiayai oleh majikan

- Pegawai tersebut bertanggungjawab mengiringi buruh-buruh tersebut sehingga sampai di tempat majikannya

##### Sistem pengambilan rumah kongsi

- Pengambilan buruh dilakukan oleh pegawai di negara China yang dilantik oleh sesebuah rumah kongsi
- Pegawai tersebut akan membiayai segala perbelanjaan buruh-buruh tersebut sehingga mereka sampai di rumah kongsi
- Buruh akan diserahkan kepada tuan punya rumah kongsi dan pembawa buruh akan dibayar dengan kadar tertentu

#### 3 Cara kemasukan imigran India

##### Sistem kontrak

- Majikan akan membiayai tambang mereka ke Tanah Melayu
- Buruh tersebut akan bekerja dengannya untuk jangka masa tertentu (antara 1–3 tahun) dengan bayaran antara 9–13 sen sehari

##### Sistem kangani

- Kangani bermaksud ketua, tandil atau mandur
- Seseorang kangani yang diberi kepercayaan oleh majikan akan diberikan lesen dan dihantar pulang ke India untuk mencari tenaga buruh
- Kangani diberikan wang pendahuluan untuk membiayai perbelanjaan buruh tersebut sehingga mereka tiba di Tanah Melayu
- Kangani menjadi seorang pengurus agensi yang membawa masuk pekerja asing

##### Sistem buruh bebas

- Buruh datang sendiri dengan biayaan masing-masing
- Kedatangan mereka diaturkan oleh orang atau kumpulan tertentu kerana kepentingan ekonomi
- Setelah tiba di Tanah Melayu, mereka akan bebas memilih tempat dan pekerjaan yang mereka kehendaki

#### 4 Peranan institusi kewangan

##### Kemajuan ekonomi Tanah Melayu

- Perkembangan pertanian dagangan seperti getah dan bijih timah
  - Kemudahan infrastruktur dan pembangunan asas di Tanah Melayu
  - Perkembangan perhubungan memudahkan hubungan antara pedagang
  - Kemasukan imigran memajukan ekonomi
  - Peranan dan galakan British dalam ekonomi
- ##### Peranan institusi kewangan
- Menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelabur
  - Memajukan dan memajukan lagi industri getah dan bijih timah
  - Memperkenalkan sistem kewangan moden yang berorientasikan keuntungan dengan kadar faedah tinggi
  - Dana dari luar negara dapat disalurkan terus ke Tanah Melayu dengan mudah dan cepat
  - Urusan perniagaan menjadi bertambah licin



Peranan institusi insurans

- Perkhidmatan insurans maritim, insurans kebakaran, insurans harta, insurans perniagaan, insurans kemalangan dan insurans pedagang

### 10.3 Dasar British Terhadap Pertanian

#### 10.3.1 Undang-undang Berhubung Tanah

##### 1 Kesan dasar British

- Orang Melayu telah diperkenalkan kepada tanaman baru
- Beberapa jenis tanaman tradisional telah dikomersialkan
- Tanaman komersial telah diusahakan secara ladang
- Penggunaan tenaga buruh yang dibawa dari China dan India
- Undang-undang berhubung dengan tanah diperkenalkan

##### 2 Kesan pengenalan undang-undang

- Pembahagian tanah mengikut kegunaan dan nilai komersialnya seperti tanah ladang, tanah peribumi dan tanah perlombongan
- Kadar cukai tanah dikenakan mengikut jenis tanah yang dimiliki atau diusahakan
- Individu atau syarikat yang ingin mengusahakan sesuatu kawasan mesti membuat permohonan di Pejabat Tanah
- Penduduk tempatan perlu mendapat kebenaran daripada Pejabat Tanah Jajahan untuk mengutip sumber hutan
- Undang-undang Tanah memberikan kuasa kepada Residen negeri untuk menentukan jumlah kawasan konsesi tanah yang akan diberikan kepada para pemodal
- Perkembangan sistem ekonomi wang dalam kalangan orang Melayu
- Orang Melayu mesti membayar cukai yang dikenakan terhadap hasil hutan
- Semua urusan jual beli, cukai, sewa tanah, bayaran barang keperluan dan perkhidmatan dibayar dengan wang

##### 3 Tujuan Akta Tanah Simpanan Melayu

- Menjamin kelangsungan masa depan ekonomi, politik dan sosial orang Melayu
- Mengelakkan tanah milik orang Melayu berpindah kepada orang asing
- Melindungi kepentingan ekonomi kerajaan British di Tanah Melayu

##### 4 Ciri-ciri Tanah Simpanan Melayu (TSM)

- Residen berkuasa mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah milik orang Melayu sebagai TSM
- Orang Melayu tidak dibenarkan menanam sebarang tanaman komersial dalam TSM
- Kebanyakan kawasan yang diisytiharkan sebagai TSM adalah tidak subur
- Kebanyakan TSM adalah tidak sesuai untuk kegiatan ekonomi perladangan
- Keluasan kawasan TSM yang subur adalah kawasan yang kecil sahaja

### 10.3.2 Dasar British Terhadap Pekebun Kecil

#### 1 Dasar-dasar British

- Melarang penanaman getah di kawasan penanaman padi; bertujuan mengurangkan jumlah penyertaan pekebun kecil getah orang Melayu dalam sektor perusahaan getah
- Kenaikan bayaran premium bagi permohonan tanah baru untuk tujuan penanaman getah
- Peraturan melarang pembukaan tanah-tanah baru untuk penanaman getah
- Rancangan Sekatan Stevenson 1922 merupakan dasar perlindungan kerajaan British terhadap pemodal dan pengusaha ladang dari Eropah
- Rancangan Peraturan Getah Antarabangsa 1934 menetapkan kuota yang rendah kepada pekebun kecil getah

#### 2 Undang-undang tanah dan tujuan diperkenalkan

- 1933** - Land Settlement Order (Sarawak) - bertujuan melindungi tanah pemilik masyarakat peribumi
- 1948** - Land Order (Sarawak) - bertujuan membahagikan tanah di Sarawak kepada kawasan tanah campuran, kawasan tanah simpanan dan kawasan tanah pedalaman
- 1889** - Proklamasi III - perlindungan Hak Peribumi bertujuan melindungi kepentingan peribumi

### 10.4 Kesan-kesan Dasar Ekonomi

#### 10.4.1 Pemandaran

##### 1 Faktor-faktor kemunculan bandar-bandar baharu

- Kawasan yang kaya dengan sumber semula jadi dan menjadi pusat kegiatan ekonomi
- Pekan yang berhampiran dengan kawasan perlombongan berfungsi sebagai pusat mengumpul hasil lombong
- Perkembangan perusahaan perlombongan bijih timah seperti bandar Kuala Lumpur, Taiping dan Seremban
- Perkembangan perusahaan petroleum seperti bandar Miri di Sarawak
- Perkembangan kemudahan infrastruktur seperti jalan raya, bekalan air bersih, sekolah, pusat kesihatan dan institusi kewangan
- Perkembangan sistem pengangkutan seperti jalan raya dan jalan kereta api
- Bandar Kuching muncul sebagai pusat pengumpulan dan pengeksportan gambir serta lada hitam

##### 2 Bandar-bandar baharu

- Kuala Lumpur
- Taiping
- Seremban
- Kuching
- Miri
- Pelabuhan Klang
- Melaka
- Pulau Pinang

[mana-mana lima]

### 10.4.2 Pembentukan Malaysia Berbilang Kaum

- 1 Sebab-sebab kedatangan imigran China dan India
  - Kemelesetan ekonomi di tanah air mereka, iaitu di India dan China
  - Galakan British
  - Peluang kerja di lombong dan ladang getah
  - Tidak mendapat bantahan daripada orang Melayu
  - Kemudahan cara kemasukan mereka ke Tanah Melayu
- 2 Kesan kewujudan masyarakat berbilang kaum
  - Pembentukan masyarakat majmuk di Tanah Melayu
  - Wujud petempatan yang berbeza-beza mengikut kaum
  - Jenis pekerjaan yang berbeza mengikut kaum
  - Penggunaan bahasa yang berbeza dalam pertuturan
  - Tidak terdapat interaksi antara kaum
  - Tidak ada perpaduan antara kaum
  - Wujudnya sistem pendidikan vernakular
  - Taraf kesihatan yang rendah/penyakit berjangkit
  - Pembangunan tidak seimbang antara wilayah
  - Perbezaan taraf hidup antara orang tempatan dengan imigran

### 10.4.3 Sistem Pendidikan Vernakular

- 1 Sistem pendidikan yang menggunakan bahasa ibunda kaum masing-masing sebagai bahasa pengantar
- 2 Pendidikan di Tanah Melayu sebelum kedatangan British
  - Kanak-kanak Melayu mendapat pendidikan di surau, masjid dan sekolah pondok
  - Aspek pendidikan bertumpu kepada keagamaan
  - Menekankan bacaan dan memahami al-Quran, mempelajari bahasa Arab serta hukum agama
  - Menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira
- 3 Perkembangan sistem pendidikan vernakular
  - (a) Sekolah Melayu
    - Mendapat pendidikan di surau, masjid dan sekolah pondok
    - Tumpuan kepada aspek membaca dan memahami al-Quran
    - Mempelajari bahasa Arab
    - Mempelajari hukum-hakam agama Islam
    - Bertujuan menguasai asas kemahiran membaca, menulis dan mengira
  - (b) Sekolah India
    - Disediakan oleh kerajaan bagi sekolah di bandar
    - Dibiayai oleh pengusaha ladang bagi sekolah Tamil di ladang
    - Berorientasikan sistem pendidikan di India
    - Menggunakan sukatan pelajaran dari India
    - Menggunakan buku yang dibawa dari India
    - Tenaga pengajar dibawa dari India
    - Bahasa Tamil dijadikan sebagai bahasa pengantar
  - (c) Sekolah Cina
    - Berorientasikan sistem pendidikan di China
    - Menggunakan sukatan pelajaran dari China

- Menggunakan buku yang dibawa dari China
  - Tenaga pengajar dibawa dari China
  - Bahasa Cina dijadikan sebagai bahasa pengantar
- (d) Sekolah Inggeris
    - Diusahakan oleh mubaligh Kristian dan badan suka rela
    - Sekolah Inggeris dianggap elit
    - Lokasinya di bandar sahaja
    - Pelajarnya terdiri daripada orang atasan
    - Kurikulum berasaskan sistem pendidikan di England
    - Menubuhkan universiti tetapi agak lewat, iaitu Universiti Malaya di Singapura

### 10.4.4 Sektor Perkilangan

- 1 Syarikat-syarikat yang terlibat dan fungsinya

	Syarikat	Fungsi
(a)	Syarikat Shum Yip Leong	Menghasilkan kasut getah untuk dieksport ke China
(b)	Syarikat Kasut Bata	Pengusahaan kasut didirikan di Klang, Selangor
(c)	Fung Keong	Menghasilkan barangan berasaskan getah di Klang, Selangor
(d)	Kinta Rubber Works	Menghasilkan barangan berasaskan getah di Ipoh, Perak
(e)	United Engineers	Membina kapal korek, kapal kecil dan mesin memproses getah

- 2 Perkara untuk melibatkan orang Melayu
  - Galakan pemerintah
  - Pinjaman modal yang mudah dan bersesuaian
  - Meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran
  - Bersikap terbuka
  - Mengubah pemikiran yang lebih positif dan berdaya saing

### 10.4.5 Sistem Pengangkutan dan Perhubungan

- 1 Faktor-faktor perkembangan
  - Perkembangagn pesat kegiatan perusahaan perlombongan
  - Perkembangan perusahaan getah
  - Pengenalan kenderaan bermotor
  - Penciptaan telegraf, telefon dan sebagainya
- 2 Sistem pengangkutan dan perhubungan
  - (a) Jalan kereta api
    - Dibina untuk mempercepatkan pengangkutan bijih timah
    - Dari kawasan perlombongan ke pelabuhan untuk dieksport
    - Jalan kereta api pertama dari Taiping ke Port Swettenham (1889)

- (b) Jalan raya
  - Menghubungkan kawasan lombong bijih timah dengan pengkalan sungai
  - Berkembang di kawasan perlombongan dan ladang getah
  - Tahun 1895 Selangor dan Perak mempunyai rangkaian jalan raya sepanjang 2400 km
- (c) Perhubungan
  - Memudahkan hubungan jarak jauh oleh para pedagang
  - Membawa perkembangan ekonomi Tanah Melayu
  - Telegraf memudah perhubungan lebih cepat

#### 10.4.6 Perkhidmatan Kesihatan

- 1 Faktor yang menyebabkan penyakit berjangkit
  - Pertambahan penduduk akibat kemasukan buruh asing
  - Kawasan kotor menyebabkan malaria, taun, beri-beri dan batuk kering
  - Masalah kebersihan dalam kalangan penduduk

- 2 Langkah-langkah untuk mengatasi masalah kesihatan di Tanah Melayu
  - (a) Penubuhan hospital kerajaan dan pusat kesihatan di bandar dan kampung
  - (b) Pembinaan pusat kesihatan kecil
  - (c) Pembinaan hospital atas sumbangan orang perseorangan
  - (d) Penubuhan Institut Penyelidikan Perubatan bagi mengkaji punca penyakit dan langkah-langkah pencegahan
  - (e) Penubuhan Sanitary Board yang bertanggungjawab menjaga kebersihan bandar
  - (f) Penubuhan Jabatan Kesihatan yang bertanggungjawab dari aspek kesihatan

#### 10.5 Rumusan Bab

- Banyak pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sosial pada zaman penjajahan

#### Praktis Objektif

1	B	2	D	3	C	4	D	5	B
6	A	7	C	8	B	9	B	10	B
11	B	12	A	13	D	14	B	15	B
16	A	17	C	18	A	19	D	20	C
21	C	22	D	23	B	24	D	25	D